

PASCA MODENISME DAN KELANGSUNGAN ISLAM



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

Seksyen 5

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| PRAKATA | v |
| MUKADIMAH | ix |
| BAB 1 BARAT, ISLAM DAN PERUBAHAN | 1 |
| BAB 2 MODENISME DAN PASCA MODENISME | 7 |
| BAB 3 POLEMIK PASCA MODENISME, LIBERAL-PLURALISME DI INDONESIA DAN MALAYSIA | 15 |
| BAB 4 KESAN PASCA MODENISME TERHADAP AGAMA DAN ISLAM | 25 |
| BAB 5 BEZA GLOBALISASI DAN MAKSUD ALAMIAH | 31 |
| BAB 6 HAK ASASI BUKAN MONOPOLI BARAT | 37 |
| BAB 7 KITA DAN BARAT BERBEZA | 43 |
| BAB 8 HAK ASASI ISLAMI | 47 |
| BAB 9 ANARKI DAN FAHAM PASCA MODENISME | 51 |
| BAB 10 FAHAM MENGEKAL DAN MENGEMBALIKAN MANUSIA KEPADA FITRAH | 55 |
| RUJUKAN | 61 |

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Pasca Modernisme Dan Kelangsungan Islam* ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Lembaga Zakat Selangor. Penerbitan buku ini tidak lain dan tidak bukan bertujuan untuk menjaga kesucian akidah umat Islam dari ancaman anasir-anasir luar yang sentiasa menunggu peluang untuk menyesatkan umat Islam.

Sejak beberapa tahun yang lalu, pengaruh Barat telah menular dalam kalangan masyarakat dan umat Islam. Meskipun pada ketika itu, pengaruh Barat telah disebarkan melalui perantara yang tidak efisien, namun ia telah mempengaruhi sedikit demi sedikit akidah dan fahaman umat Islam. Dengan perkembangan pesat serta kemajuan teknologi, maklumat dan pengaruh Barat atau lebih dikenali sebagai pasca modenisme, kini ia disebarkan pada kadar yang pantas, berulang kali serta tanpa batasan.

Pasca modenisme adalah perubahan pada struktur atau ciri kehidupan yang menolak ajaran agama Islam serta nilai-nilai murni yang diajar. Di antara fahaman pasca modenisme ialah menjadikan fahaman rasional berasaskan akal fikiran manusia yang terhad (rasionalisme), mementingkan kebendaan, aliran hedonistik (mementingkan keseronokan), anarki (tidak berasaskan kepada undang-undang), pluralisme, liberalisme dan sekularisme.

Perkembangan ini amat membimbangkan umat Islam kerana generasi muda pada masa kini amat terdedah dan selalunya merujuk pada informasi dan maklumat yang mudah diperoleh melalui internet dan telefon bimbit tanpa merujuk atau

mengesahkan informasi atau maklumat yang diterima. Ini akan secara halus dan tanpa disedari mempengaruhi tindak tanduk serta fahaman golongan berkenaan dan akhirnya memesong akidah mereka.

Penulisan buku seperti ini adalah tepat pada waktunya dan amat dialu-alukan, memandangkan pengaruh dan ancaman pasca modenisme harus ditangani bukan sahaja secara berhikmah dan berkesan tetapi pada kadar yang segera. Untuk peringkat permulaan, masyarakat perlu memahami perbezaan di antara fahaman Barat dan ajaran Islam.

Maka, bab-bab yang ditulis di dalam buku ini membawa pembaca untuk mengenal pasti ciri-ciri dan fahaman-fahaman Barat yang terpesong daripada ajaran Islam. Ia disusuli dengan kesan-kesan pasca modenisasi, globalisasi, hak asasi dan mengapa kita perlu memantapkan akidah supaya tidak mudah dipengaruhi atau dipesong oleh fahaman pasca modenisme.

Adalah menjadi harapan bahawa penerbitan buku ini dapat memberi manfaat dan sebagai satu bahan rujukan terutamanya dalam membantu masyarakat mengenal pasti dan merungkai segala permasalahan dan persoalan semasa yang berkaitan dengan pasca modenisme dan seterusnya memantapkan akidah umat Islam.

Pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan "*Jazakumullahu Khairan Kathira*" ke atas semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan akidah umat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahit Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa
Pengerusi MAIS**

MUKADIMAH

Pasca modenisme adalah satu aliran fahaman terkini yang berkembang di Barat lanjutan daripada faham modenisme yang sekian lama menjadi tunjangan pemikiran dan cara hidup Barat. Pasca modenisme ialah perubahan kepada struktur ataupun bentuk yang melibatkan seluruh susuk kehidupan Barat yang menolak agama serta nilai dan menjadikan faham rasional, kebendaan, aliran hedonistik (yang mementingkan keseronokan) dan anarki (tidak berasaskan undang-undang) sebagai titik tolak menjelmakan corak kehidupan baru yang banyak bercanggah dengan agama.

Buku ringkas ini cuba memberi sentuhan mengenai fahaman mutakhir Barat ini dan kesannya kepada kelangsungan agama dan Islam. Islam pada prinsipnya tidak menolak perubahan dan kemajuan.

Konsep islah dan tajdid yang berlaku dalam sepanjang persejarahan Islam berupaya melakukan adaptasi untuk respons kepada realiti tetapi tetap mengekalkan kepentingan akidah, syariah dan akhlak sebagai asas yang fundamental.

Islam melihat pembangunan manusia atau insan sebagai paling utama. Risalah *nubuwwah* bermaksud penyempurnaan akhlak manusia sebagai abid dan khalifah.

Lantaran *abid* yang terbangun jiwa *ubudiyyah*nya bakal menjadi khilafah yang bermakna mensejahterakan amanah serta memberi makna terhadap tujuan kehidupan, kemajuan dan pembangunan itu sendiri. Oleh itu, perubahan dalam Islam sentiasa dalam urutan yang fitrah tanpa menolak sama sekali faedah berbanding daripada kebaikan orang lain. Inilah hikmah yang hilang daripada kita.

BAB 1

BARAT, ISLAM DAN PERUBAHAN

Memahami Barat ialah memahami proses sejarah ketamaduan dalam orientasi yang berbeza. Hal yang sama terjadi kepada sejarah ketamadunan Islam. Barat suatu ketika dahulu sebelum kebangkitan Islam berada dalam zaman kegelapan. Islam sejak abad ke-7 mengalami proses pencerahan yang amat menyumbang kepada tamadun dunia termasuk Eropah.

Di samping pengaruh Greek Yunani yang menjadi asas rujukan kemajuan Barat, Islam dalam bentuk ilmu dan tradisi keilmuan membangun tamadun tidak sahaja berasaskan tradisi keagamaan yang unggul tetapi juga tradisi sains dan teknologi yang dipandu oleh nilai guna yang baik dan bermanfaat.

Ia terjadi antara lain kerana berlakunya sinergi antara ulama dan umara' hingga menyebabkan isu-isu pokok menyantuni cabaran dan masalah mampu dileraikan. Zaman Al-Makmun, Al-Mansor, Harun Ar-Rashid, Umar Abdul Aziz umpamanya adalah zaman terbinanya tamadun Islam dan menjadi sumber ikutan.

Kedua, sifat ilmu yang berkembang secara integratif bentuknya. Faktor nakliah (wahyu) dan akliah (akal) bergabung dengan harmoni dan menghasilkan ilmuan seperti Al-Biruni, Ibnu Sina, Abu Qasim Az-Zahrawi dan ramai lagi yang menghafaz Al-Qur'an pada zaman muda mereka dan mampu menjadikan Al-Qur'an sebagai suluh meneroka bidang sains, matematik,

perubatan, ilmu pembedahan dan cabang ilmu yang lain. Integrasi ini penting kerana umat Islam memerlukan ilmu *diniyah* (agama) sebagai sumber yang memancarkan faktor amaliah (amal) dalam diri dan sistem kehidupan. Pemikiran dan amalan harus seimbang supaya idealisme mempunyai tempat berdiri yang menggambarkan keindahan Islam itu sendiri.

Ketiga, tradisi kecendekiawanan (*tradition of scholarship*) Islam berkembang dengan terhasilnya buku-buku atau kitab-kitab hasil daripada kajian dan penelitian yang membolehkan umat Islam mempunyai sumber rujukan dalam tradisi pengilmuan dan pendidikan.

Keempat, tradisi memanfaatkan faedah berbanding dalam budaya dan tamadun lain berlaku. Al-Biruni umpamanya menjelajah ke India, menguasai bahasa Hind untuk membolehkan beliau membuka jendela ilmu dalam tamadun India serta melakukan adaptasi untuk disesuaikan dalam keperluan sains dan teknologi yang sifatnya tidak bercanggah.

Sejak zaman Abbasiyyah dan Andalusia tradisi ini berkembang dan menghasilkan perubahan dan kemajuan dalam susuk tamadun Islam itu sendiri. Barat menjadikan ilmu-ilmu Islam yang berkembang sebagai sumber rujukan dan diterjemahkan ke dalam bahasa Latin, Ibrani, Hebrew dan bahasa-bahasa Eropah yang lain. Ia menyebabkan Eropah mengalami proses reformasi, *renaissance*, Revolusi Industri dan akhirnya menjadi kuasa penakluk atau penjajahan.

Suatu isu yang menarik untuk dibincangkan adalah, mengapakah penterjemah Barat tidak menggunakan bahasa Arab sekaligus kandungan ilmunya di bawa ke Barat tanpa perlu diterjemahkan ke bahasa-bahasa yang lain? Ini kerana pada hemat penulis kehebatan bahasa Arab berhubung langsung dengan etos (kepercayaan) mengenai ilmu dan nilai.

Suatu ketika perkembangan agama Kristian agak pesat di Eropah. Berlaku pertembungan yang serius antara kelompok gereja dan saintis. Perkembangan tersebut menyebabkan tokoh seperti Galileo Galilei dan seangkatan dengannya menghadapi layanan buruk daripada pihak penguasa gereja akibat percanggahan saintifik dengan ajaran Kristian itu sendiri.

Pada hari ini, jika kita melawat ke negara-negara Eropah seperti England, Perancis, Belanda, German dan negara-negara lain, terdapat banyak gereja besar dan katedral (gereja besar bagi daerah di bawah bidang kuasa seorang biskop) yang tersergam indah dan memiliki imej permuziuman). Namun, ia kurang berfungsi. Keadaan ini mempunyai kaitan dengan proses perubahan yang berlaku di Barat.

Ukuran Barat tentang kemajuan lebih banyak memberi fokus pada kemajuan sains dan teknologi yang sifatnya mekanistik (cara menjelaskan sesuatu) dan kemajuan kebendaan yang dimakmurkan menerusi faham budaya popular dan pertumbuhan ekonomi kapitalis.

Islam tidak mengambil sikap menentang kemajuan sains dan teknologi kerana selamanya ia adalah alat. Nilai guna (kegunaan) sains dan teknologi menjadi matlamat. Sekiranya sains dan teknologi mengangkat akal budi insan, maka ia sesuatu yang bermanfaat.

Dalam tradisi Islam, memahami perubahan terhubung langsung dengan kualiti manusia dan kemanusiaannya. Justeru, perubahan dan kemajuan dalam Islam dilihat dari sudut kualiti *rijal* atau manusia itu sendiri. Asas yang dijadikan fokus oleh Islam adalah kualiti amanah, keadilan dan keseimbangan supaya manusia mampu mengurus diri dan juga sistem.

Perubahan dalam tradisi Islam bukan sekadar bentuk (*form*) yang sifatnya teknologikal. Perubahan dalam Islam mempunyai

isi (*substance*) yang mengekalkan manusia berada dalam fitrah. Perubahan sebagai bentuk (*form*) bersifat mekanistik dan utilitarian (nilai guna semasa). Perubahan berasaskan isi (*substance*) membentuk watak dan sahsiah. Perubahan yang mempunyai isi (*substance*) menghasilkan makna tanpa menjejaskan maksud perubahan itu sentiasa untuk mensejahterakan umat manusia. Memang jalan berfikir manusia adalah dinamik. Namun, dinamika ilmu perlu seiring dengan pembangunan insan yang fitrah. Di sinilah titik perbezaan yang nyata antara tradisi Islam dan tradisi Barat dalam proses pengilmuan dan pendidikan.

Jika isunya adalah kemajuan ilmu dan pendekatan empiris (saintifik), Islam tidak melihat rasionaliti itu segala-gala. Kekuatan akhlah hanya suatu jujuk dalam memahami diri dan juga kehidupan. Diri manusia itu sendiri memiliki potensi akhlah untuk menjana pemikiran. Dan pemikiran yang bermanfaat terhubung dengan hati budi yang jernih dan niat yang ikhlas. Faktor dalaman diri manusia ini terlalu penting bagi manusia kerana darinya terhasil niat, ikhlas, amanah, jujur, adil, telus dan tulus. Faktor ini mustahak dimiliki oleh manusia supaya kualiti dirinya lebih manusiawi.

Moden dalam pengertian Barat adalah baharu dan maju. Maju dalam faham Barat asasnya adalah liberal dan sekular. Walaupun secara mekanistik ada faedah berbanding yang boleh dimanfaatkan dalam sains dan teknologi Barat tetapi kepentingan agama tidak dilihat sebagai yang utama.

Teori sosial yang berkembang di Barat banyak menumpu pada perubahan sains dan teknologi. Baik Max Weber mahupun Kuhn melihat sains sebagai alat dan matlamat. Lalu pencapaian sains dan teknologi dilihat sebagai kemuncak daripada perubahan dan kemajuan.

Teknologi tinggi (*high tech*) bukanlah suatu jawapan terbaik meleraikan masalah manusia dan kemanusiaan pada masa kini,

tetapi santunan kemanusiaan tinggi (*high touch*) adalah sumber kekuatan yang menghubungkan etika dan nilai dan kemajuan teknologi itu sendiri.

Teknologi media baru umpamanya sangat berkembang dan semakin kompleks. Mampukah media baharu ini dari sudut perisian, program dan inputnya mengukuhkan kualiti manusia dan kemanusiaan supaya dunia dan alam ini dikendalikan oleh tangan-tangan dan hati yang memiliki kualiti adab dan keihlanan yang tinggi?

Tanpa kualiti ini, manusia akan cenderung memiliki watak haiwani mendominasi ilmu yang sifatnya sekular dan liberal, teori sosial yang sifatnya zahiri, pertumbuhan ekonomi dalam kerangka kapitalistik yang rakus, perkembangan industri yang mementingkan keragaman produk bukan aspek manusiawi yang menuntut keseimbangan dan akhirnya faktor duniawi dilihat sebagai segala-galanya. Perubahan seperti ini tidak meningkatkan watak insan menjadi hamba dan khalifah serta mempunyai misi besar mensejahterakan kehidupan ini.

Order baharu dunia yang amat diperlukan adalah berlakunya kemajuan sains dan teknologi yang memberi manfaat, berlakunya perubahan sosial yang tidak menolak asas fundamental yang berkaitan dengan etika dan nilai, tertampalnya corak tamadun yang mementingkan kualiti moral dan akhlak dan dalam masa yang sama faham kebendaan, individualistik dan hedonistik (berpoya-poya) tidak menjadi matlamat hidup.

Asas ini ada pada Islam yang tidak sahaja sifat agamanya memberi asas rohaniah yang tinggi sekaligus corak amaliah yang seimbang. Kemajuan dunia harus membangunkan kekuatan ilmu dan fikir dan mampu menyantuni tuntutan fitrah ke arah insan holistik yang berdaya maju serta memiliki contoh mithali dan boleh diteladani.

BAB 2

MODENISME DAN PASCA MODENISME

Budaya Barat kini memasuki apa yang sering dikenal dengan era “*postmodernism*” atau “pasca modenisme”. Gerakan budaya dan falsafah berasaskan teori sosial ini banyak mengundang reaksi pro dan kontra. Kadang-kadang ia dianggap sebagai gejala kebuntuan pemikiran Barat yang tidak mampu lagi menghasilkan gagasan-gagasan besar yang lebih murni sifatnya.

Tokoh-tokoh pemikir seperti Derrida, Foucault, Lyotard, Strauss dan ramai lagi mengemukakan teori perubahan sosial berasaskan rasionaliti yang mutlak yang ditanggapi sebagai faham pasca modenisme yang sifatnya anarki (ketidaktertiban) terhadap nilai dan kebenaran dan cenderung tidak menjadikan agama sebagai landasan rujukan.

Lalu berlaku “pemberontakan” yang sifatnya empiris (saintifik) dan menghasilkan penstrukturan semula asas pemikiran dan falsafah di semua dimensi seperti seni bina, ilmu pengetahuan dan rasionaliti, sastera dan media, gender dan ras mengalami proses perombakan ke arah kebendaan melampau dan menampilkan citrasi hedonistik di luar batasan.

Malah, ia juga difahami sebagai akibat logik daripada rasionalisme yang berlebihan di mana pendekatan empiris (saintifik) menjadi tunjang epistemologi (asas keilmuan) Barat.

Ilmu yang ditanggapi secara akliah (akal) dianggap tunggal serta hakiki. Manakala persoalan falsafah dan aliran metafizik (berkaitan dengan agama) pula dianggap tidak lagi relevan.

Lalu terjadi pemberontakan yang parah terhadap faktor autoriti (kuasa) yang dianggap dogmatik dan ketinggalan zaman bagi Kristian mahupun agama-agama yang lain. Meruntuhkan sistem hierarki (susunan) yang meletakkan keluarga sebagai unit utama binaan masyarakat dan negara dengan menampilkan kecenderungan seksual dan hetroseksual yang tinggi dan lepas bebas daripada ikatan salah benar, halal haram dan makruf mungkar.

Dan lahir kecenderungan anarki (*disorderly*) dalam order sosial dan pemikiran hingga menyebabkan Barat kehilangan arah, tanpa gagasan besar yang menjadikan manusia itu memiliki kualiti manusiawi, sebaliknya yang berkembang adalah kualiti manusia yang haiwani dan rakus dengan strategi globalisasi bagi mempertahankan kehebatan (*supremacy*) mereka sebagai bangsa pencerah.

Modenisme muncul pada abad pencerahan (*englightenment*) iaitu pada abad ke-18. Ia difahami sebagai suatu proses berkembang dan menyebarnya rasionaliti Barat di segenap segi kehidupan manusia dan tingkah laku sosialnya.

Kehadiran manusia di dunia ini sebagai “aku” identik (sama) dengan rasio (kesedaran). Rasio diyakini sebagai kemampuan istimewa mengatasi kekuatan metafizik dan *transcendental* (*Rabbaniyyah*) atau agama. Ia mengatasi semua pengalaman yang bersifat khusus dan menghasilkan kebenaran mutlak, universal dan tidak terikat dengan waktu.

Pandangan sifat mutlak ditolak oleh para pendukung faham pasca modenis. Mereka berusaha membebaskan diri daripada dominasi konsep dan praktik ilmu, falsafah serta kebudayaan

moden. Jika dalam visi modenisme, taakul (*reason*), dalil atau hujah dan sebab musabab dipercayai sebagai sumber utama ilmu pengetahuan yang menghasilkan kebenaran-kebenaran universal, maka dalam visi pasca modenisme dipandang sebagai alat dominasi terselubung yang kemudian tampil dalam bentuk penjajahan dan hegemoni (dominasi) kapitalistik.

Istilah pasca modenisme dikatakan muncul dalam dunia seni bina. Ia popular dalam aplikasi sastera budaya sejak 1950an manakala dalam bidang falsafah dan ilmu-ilmu sosial pula berlaku sekitar 1970an dan kini semua bidang dipengaruhi terutama bidang media cetak dan media elektronik.

Modenisme yang berkembang di Barat dan menjadi rujukan kemajuan dalam acuan Barat oleh banyak negara lain termasuk negara-negara Islam adalah kemuncak pengaruh rasionaliti, kebendaan dan budaya popular Barat terhadap pihak lain.

Teori sosial ini berkembang dalam tradisi intelektual dan pemikiran Barat dan menghasilkan perubahan zahiri yang sifatnya semasa. Fahaman utilitarianisme (kegunaan semasa) menjadi asas kepada teori sosial ini kerana sifatnya pragmatik (boleh amal) dan terkini.

Barat dilihat sebagai model kemajuan dan menjadikan sains dan teknologi sebagai sesuatu yang paling utama. Peranan agama menjadi semakin terbatas dan ia muncul dalam kepercayaan peribadi tetapi bukannya negara atau sistem. Model acuan Barat dijadikan rujukan untuk orang lain atau bangsa lain menjadi maju dan membangun. Generasi muda dalam kalangan negara Islam berduyun-duyun ke Barat mempelajari pelbagai aspek ilmu pengetahuan terutama bidang sains dan teknologi. Ia memberi kesan pengaruh terhadap negara yang sedang membangun atau masih muda dalam mengisi kemerdekaan.

Modenisme berwatak serba menyeragamkan, materialistik,

teknokratik dan rasionalistik. Kemajmukan dilihat sebagai suatu realiti dan konsep pluralisme (kemajmukan) ini harus dikembangkan dalam berbagai dimensi.

Barat tidak menjadikan agama sebagai suatu dukungan atau gagasan bagaimana konsep maju dan membangun diungkapkan. Agama dilihat oleh mereka sebagai dogma (khayali) yang tidak mempunyai landasan rasionaliti dan saintifik dan sifatnya menghalang kemajuan dan perubahan.

Asas liberal dan sekular yang berkembang menjadikan Barat tidak lagi merujuk kepada agama Kristian sebagai sumber autoriti (kuasa) sebaliknya terlihat etika Kristian diamalkan dalam maksud yang terbatas. Amalan etika yang terdapat lebih banyak bersifat mekanistik, duniawi sifatnya dan cenderung berubah-ubah mengikut faktor ruang dan waktu. Tiada asas kemutlakan dalam amalan etika dan nilai dalam kalangan mereka.

Asas rasionaliti di mana akal menjadi sumber segala-gala dengan mengambil pendekatan empiris (pemerhatian, ujikaji dan data makmal) dalam proses pengilmuan dan pendidikan selari dengan ungkapan Nietzsche, *"Tuhan telah mati"* dan ia menjadi tunjangan dalam pemikiran dan amalan Barat.

Proses pembaratan yang dilakukan berabad-abad oleh pihak kolonial dan disambung oleh anak didik penjajah mengambil bentuknya dalam penggubalan dasar dan sistem dan penghasilan sumber tenaga insan.

Pendekatan tradisional dalam pendidikan agama masih berjalan dan ia menghasilkan dualisme (penduaan) dalam sistem dan pemikiran. Pendekatan holistik (menyeluruh) menjadi suatu cabaran supaya tasawur atau pandangan semesta insan (*world view*) sifatnya integratif (bersepadu).

Proses globalisasi yang sedang terjadi sekarang adalah

lambang hegemoni (penguasaan) Barat iaitu natijah daripada proses modenisasi yang kini disambung oleh gagasan pasca modenisasi kerana pemikir-pemikir pasca modenisasi menganggap gagasan modenisasi harus mengalami proses “pemberontakan” supaya “*white supremacy*” (penguasaan Barat) berlaku secara menyeluruh.

Salah satu rumusan umum dan sederhana menggambarkan pasca modenisme sebagai suatu pemberontakan terhadap kemodenan global berlaku sesudah Perang Dunia Kedua yang berpusat di Barat (khususnya Amerika Syarikat).

Pasca modenisme ditandai oleh keyakinan fanatik kepada sejarah perkembangan sosial secara linear (titik selari), kebenaran ilmiah yang dimutlakkan dan direkayasa (usaha) manusia bagi suatu tata dunia yang diidealkan (serba sempurna).

Berjayanya kemodenan yang berpusat dan dikuasai Barat itu menyebabkan modenisasi di berbagai kawasan dunia terjadi termasuk rantau dunia Melayu.

Hasilnya, telah kita rasakan pembangunan yang berwatak serba menyeragamkan, materialistik, teknokratik dan rasionalistik. Sebagai lawannya pasca modenisme mempraktikkan budaya yang lebih majmuk.

Pemodenan pada awal abad ini sudah mengakui kenisbian (relatif berubah) dan wawasan majmuk atas nama suatu realiti. Realiti itu sendiri dianggap tunggal walaupun kompleks. Pasca modenisme mengakui realiti itu sendiri yang majmuk di samping berbagai tanggapan terhadapnya.

Pemberontakan pasca modenisme bukan hanya dalam konteks urusan intelektual Barat atau kesannya di Timur yang cenderung ke arah Barat tetapi berkait dengan jutaan rakyat jelata, gerakan sosial termasuk kelompok hak asasi yang

memperjuangkan kebebasan tanpa batas dan menganggap agama itu sebagai kekangan terhadap kebebasan.

Pada masa yang sama berlaku kesedaran beragama dalam kalangan umat Islam di Barat. Ia menghasilkan Islamophobia di Barat dan menyebabkan kecurigaan yang mendalam terhadap Islam itu sendiri. Tragedi 11 September 2002 di Amerika Syarikat memberi kesan besar terhadap dua perkara. Pertama, Islam dilabel sebagai agama ekstremis (pelampau), teroris (penganas) dan fundamentalis (kembali kepada yang asasi).

Pada masa yang sama juga minat orang-orang Amerika Syarikat ingin mengetahui apakah itu Islam sebenarnya semakin meningkat. Dilema Eropah adalah jumlah penganut Islam semakin bertambah dan kecenderungan Barat membenarkan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) berlaku merungkai struktur kekeluargaan dan memberi kesan serius terhadap pembinaan generasi pada masa hadapan.

Kebangkitan Islam di Eropah dan Amerika Syarikat menghasilkan Islamophobia kerana Islam dilabel sebagai fundamentalis, teroris, ekstremis dan tidak sesuai dengan iklim tata sosial yang mereka amalkan.

Secara jelas, keadaan ini memperlihatkan penolakan mereka terhadap Kristianiti dan agama-agama yang lain, memberi ruang untuk Islam bernafas dan berkembang. Jika diukur dengan jumlah masjid dan pusat-pusat Islam (*Islamic centres*) yang terbina semenjak tiga puluh tahun yang lalu, ternyata ia mengalami peningkatan yang luar biasa.

Cabaran pasca modenisme secara langsung adalah Islam. Kebangkitan Islam kini tidak sekadar suatu kesedaran spiritual tetapi Islam ditampikan sebagai suatu cara hidup.

Malaysia umpamanya walaupun tidak menolak faedah

berbanding Barat dan Timur dalam pendekatan kemajuan dan perubahan terutama dalam bidang sains dan teknologi tetapi pengaruh patuh syariah dalam perbankan berkembang, takaful (insuran), sukuk (bon), zakat dan waqaf, industri halal, perundangan dan syariah, tradisi pengilmuan dan pendidikan Islami berkembang dengan baik seimbang dengan institusi konvensional.

Pasca modenisme hakikatnya adalah agenda Barat kerana penolakan terhadap Kristianiti telah lama berlaku sedangkan kebangkitan Islam (*Islamic revival*) yang cuba mencari bentuk baharunya semenjak empat puluh tahun yang lalu sedang memperlihatkan imejnya walaupun keadaan di sesetengah negara, umat Islam berada dalam situasi yang amat tidak stabil.

Apa yang berlaku di negara-negara umat Islam di Asia Barat tidak terlepas daripada perancangan Barat terhadap Islam. Ancaman yang mereka hadapi tidak sangat Kristianiti atau faham komunisme tetapi faham kapitalisme atas dukungan rasional semata-mata yang cenderung menyuburkan budaya hedonistik bakal menjebak Barat ke arah kemuffisan moral.

Barat menyedari Islamophobia ini adalah pancaran dendam salibiyyah yang sangat lama dan kecenderungan menjadikan Barat sebagai segala-gala. Dendam salibiyyah mengambil bentuk baharu iaitu bukan sahaja menolak agama Kristian tetapi menolak apa saja yang berbentuk agama.

BAB 3

POLEMIK PASCA MODENISME, LIBERAL-PLURALISME DI INDONESIA DAN MALAYSIA

Goenawan Mohammad (1994) dari Indonesia dalam salah satu *Catatan Pinggirnya* menyebutkan era pasca modenisme sebagai era keruntuhan. Pada catatan lain, ia mengaitkan idea pasca moden (merujuk kepada Keidegger) sebagai upaya memberi legitimasi (kesahan) pada gerakan kaum Nazi.

Arif Budiman (*Tempo*, 16 Oktober 1993) meminjam hujah Pauline Marie Rosenau, membezakan antara pasca moden yang skeptik (yang menekankan pertentangan dalam setiap teori) serta pasca moden yang afirmatif (yang mempersoalkan kebenaran teori besar kemudiannya menjurus pada teori yang lebih kecil).

Gede Prama (1994 - *Postmodernisme?*) cenderung melihat pasca modenisme sebagai periodisasi (pentahapan) dan epistemologi. Scott Lash dari Universiti Lancaster menerusi artikelnya dalam jurnal *Theory, Culture and Society* (1988) melihat pasca modenisme sebagai periodisasi. Kalau dunia moden ditandai oleh "diferensiasi" (perbezaan) maka dunia pasca modenisme ditandai oleh "de-diferensiasi" (ulang perbezaan). "Diferensiasi" mudah dilihat melalui jelasnya batas-batas antara bangsa, antara agama, antara suku dan antara golongan.

Dalam karya Lyotard, pasca modenisme bererti pencarian

ketidakstabilan (*instabilities*). Kalau pengetahuan moden mencari kestabilan melalui metodologi, dengan 'kebenaran' sebagai titik akhir pencarian, pengetahuan pasca moden ditandai oleh runtuhnya kebenaran, kerasionalan dan objektiviti. Prinsip dasarnya bukan benar salah tetapi membiarkan segala sesuatu terbuka untuk kemudian sensitif terhadap perbezaan-perbezaan.

Kestabilan dan kebenaran menjadi masalah dalam pengetahuan pasca modenisme kerana bahasa dan benak manusia tidak bebas daripada penyalahgunaan (*distorsi*). Melalui bahasa dapat mengenal perbezaan (baik buruk, tepat tidak tepat). Namun begitu, secara realitinya ia muncul dalam bentuknya yang bercampur-campur.

Pandangan Jaques Derrida dan Michell Foucault, tokoh pasca strukturalis yang mendukung pasca modenisme perlu diberi perhatian. Derride mengembangkan istilah "*difference*" (dengan huruf "a"). Dalam terminologi ini, realiti sosial tidak hadir sepenuhnya dalam diri manusia kerana ia selalu ditunda oleh ruang dan waktu. Dengan demikian, *difference* tidak boleh diungkap sepenuhnya dalam konteks terkini. Oleh kerana itu, Derrida mengambil sikap bahawa semua perbezaan tidak boleh diputuskan (*undecidability*).

Michell Foucault yang menghabiskan kebanyakan hidupnya untuk mempelajari hubungan ilmu pengetahuan dan kekuasaan, mempersoalkan konsep "pengetahuan dan kekuasaan". Foucault cenderung berhujah bahawa "kekuasaan adalah pengetahuan" kerana pengetahuan yang menentukan "wajah" realiti dalam benak manusia.

Dari sudut Islam, pandangan Derrida dan Foucault ini amat berbeza kerana Islam menjadikan wahyu sebagai sumber pedoman memahami realiti bukan di sebaliknya. Al-Qur'an dan Al-Hadis adalah rujukan untuk memahami fenomena dan realiti serta terdapat hikmah yang banyak dalam memahami realiti dengan

jiwa *tadabbur* (kajian) supaya antara faktor yang nyata dan sebenar terhubung langsung dengan faktor *ghaibiyah* yang dimensinya merujuk kepada Pencipta.

Dalam dunia Melayu, kesan awal pengaruh pasca modenisme ini berbangkit di Indonesia. Ia dipolemikkan (dibincangkan) di media massa mahupun di seminar sejak tiga bulan terakhir 1993.

Mengikut Tommy F.Awuy (1994: *Latar Belakang Teoritis Postmodenisme*) pada bulan September 1993, Studio Onchor mengadakan diskusi bukunya bertajuk, *Problem Filsafat Moden dan Dekonstruksi*. Ia kemudian disusuli oleh *Jurnal Kebudayaan Kalam* dengan kerjasama Universiti Kristian Satya Wacana, program Pascasarjana di Salatiga pada awal Oktober. Pada pertengahan bulan yang sama, Yayasan Paramadina turut menyemarakkan diskusi postmodenisme yang dihubungkan dengan isu "Konflik Kebudayaan" dari Samuel Huntington. Pada akhir bulan tersebut, Studio C-Line mengadakan diskusi hubungan "Seni dan Postmodenisme". Di Jokjakarta diskusi tentang seni postmodenisme terjadi dan para seniman ITB (Institut Teknologi Bandung) mengadakan pameran lukisan sekaligus mengadakan seminar tentang "Seni Postmodenisme".

Menurut Tommy F.Awuy (1994) lagi, teori postmodenisme bukan tiba-tiba jatuh dari langit. Benih filosofinya sudah ada pada ahli filsafat Nietzsche pada akhir abad ke-19 dan oleh Thomas Kuhn dalam bukunya, *The Structure of Scientific Revolution* dan daripada teori sosial sudah nampak pada sosiologi imagination (impian).

C.Wright Mill, yang dipengaruhi oleh teori komunikasi Marshall McLuhan serta teori neokonservatisme Daniel Bell tentang masyarakat pasca perusahaan dan lain-lain.

Dalam semangat ini pula Jean-Francois Lyotard dalam bukunya bertajuk, *The Postmodern Condition*, bahawa ilmu

pengetahuan telah kehilangan kerangka atau naratif besarnya (*grand narrative*) dengan hujah rasionalitinya sehingga kepastian kebenaran pun sudah hilang *legitimasiny* (kewibawaan). Dalam sebuah masyarakat yang maju ditegaskan oleh Lyotard, iaitu masyarakat yang mendukung budaya komputer, ilmu pengetahuan tidak lagi mendapat wibawa pada kebenarannya sehingga ia tidak terlepas dari jaring-jaring perdagangan dan kekuasaan yang ada dalam masyarakat.

Teori paradigma Kuhn pada dasarnya mahu menunjukkan bahawa telah terjadi peralihan atau transformasi dari teori ilmu fizik Newtonian kepada teori ilmu fizik Einsteinian. Kepastian kebenaran dari teori mekanistik Newton menjadi kebenaran relatif (nisbi) kepada Einstein. Relativisme (kenisbian) inilah yang telah menjiwai teori postmodernisme untuk menunjukkan bahawa kebenaran atau realiti tidak perlu terikat dari satu perspektif saja. Kebenaran (realiti) terdiri daripada pelbagai unsur (pluralis) dan setiap unsur dapat dijadikan sebagai perspektif. Maka, relativisme pluralis (kenisbian majmuk) ini menyingkirkan faham dogmatisme (khayalan) mono perspektif (kesatuan) atau memaksa manusia untuk tidak yakin terhadap kebenaran yang tunggal.

Profesor Kamaruddin Hidayat (1994: *Postmodernisme dan Masa Depan Peradaban*) Pasca modernisme tampil sebagai sebuah gerakan pemikiran atau aliran falsafah baharu. Aliran ini memiliki rangka pemikiran dan pedoman falsafahnya yang tersendiri. Katanya lagi, kritik dan pemberontakan terhadap beberapa dalil pokok yang menyanggah tegaknya "*modernism westernism*" yang menelan "ongkos" kemanusiaan yang tidak kecil. Dengan kata lain, posmo modernisme itu sendiri tidak berdiri lepas daripada modenitas, melainkan masih sebahagian daripada modenitas. Hanya sahaja, ia tampil dengan teriakan protes di tengah kompleksiti (kerumitan) modenitas yang ganas.

Profesor Azumardi Azra (1984: *Islam, Akomodasi Budaya dan Pasca Modernisme*) menyatakan tanggapan manusia mengenai realiti tidaklah bersumber daripada pengetahuan, tetapi daripada kepercayaan kepada suatu autoriti mutlak yang berbeza daripada satu agama dengan yang lainnya.

Dalam Islam, konsepsi realiti berasal daripada wahyu (Al-Qur'an) dan Al-Hadis. Konsepsi dasar realiti yang diberikan oleh sumber ini adalah mutlak. Akibatnya, sering terbina ketidaksamaan antara Al-Qur'an yang diyakini umat Muslimin sebagai kebenaran akhir yang tidak dapat diubah dan berlaku untuk segala waktu dan tempat dengan kenyataan sosial yang sifatnya selalu berubah.

Dari sinilah munculnya tema-tema dan kegiatan semacam "Islamisasi ilmu pengetahuan" atau "ekonomi Islam", "antropologi Islam", "sosiologi Islam" dan sebagainya terjadi.

Semenjak berlangsungnya Persidangan Pendidikan Islam Makkah 1977, paradigma ilmu dan pendidikan berubah dari kerangka dualistik (penduaan) kepada kerangka tauhidik. Ia mempertajamkan lagi hubungan teori sosial pasca modenisme dengan doktrin Islam itu sendiri.

Polemik di Indonesia tidak berakhir begitu saja. Amat menarik apabila diteliti pada tahun-tahun berikutnya perkembangan faham liberal dan pluralis agama yang giat berkembang dan menerima kritik yang tajam daripada pelbagai pihak.

Faham ini yang didukung oleh Nurcholis Majid dengan Ulil Absar dan gerakan pendidikan Paramadina memberi kesan besar terhadap "pemberontakan" fahaman dan tafsir Islam di Indonesia yang sifatnya amat akomodatif (seiring) dengan Barat.

Meskipun ia tidak berada dalam acuan pasca modenisme tetapi kelihatan menjadikan Barat sebagai sumber tafsiran

baharu mengenai faktor perubahan dan kemajuan. Ia menyentak perhatian umat Islam kerana globalisasi terjadi dan faham pasca modenisme sedang mencari bentuknya sendiri.

Sekiranya pengaruh pasca modenisme ini berkembang dalam tata sosial masyarakat Islam, ia bakal menghasilkan konflik yang berpanjangan sesama warga umat. Akan wujud pelbagai aliran fahaman yang sifatnya mempertentangkan. Akhirnya, umat Islam bakal mengalami krisis akibat terpengaruh dengan ideologi atau fahaman pihak lain.

Faham liberal dan sekular yang sudah berkembang berabad-abad tidak sedikit memakan korban pemikiran dan akidah hingga menyebabkan sebahagian umat Islam merasa kagum terhadap Barat yang membawa “pencerahan” kepada dunia terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Teknologi langit terbuka yang ada manfaat berbanding padanya sudah menjadi perangkap yang menjadikan umat Islam pengguna setia dan belum mampu membangunkan perisian dan program sendiri hingga menyebabkan umat Islam kekal sebagai pengguna kepada kekuatan orang lain.

Cabaran yang ada pada umat Islam adalah menyediakan perisian dan program yang lebih serasi supaya pembentukan akal budi manusia lebih fitrah sifatnya. Inilah keperluan yang dituntut supaya media cetak dan media elektronik yang menjadi alat berkembangnya faham pasca modenisme dapat diimbangi dan disantuni.

Di Indonesia dan Malaysia, faham liberalis pluralis mula mengambil tempat dan ia dilihat kontroversial (tidak serasi) oleh banyak pihak kerana berlaku interaksi Islam dengan Barat tidak sahaja dalam metodologi tetapi juga dalam tafsiran terhadap nas dan juga rumusan fiqh yang lazim diprakerui.

Faham ini berpunca daripada tradisi beragama yang berlaku di Barat yang menyebabkan wujudnya pertentangan antara faktor sains dan rasional dengan agama Kristian. Penolakan terhadap Kristianiti menghasilkan faham liberal dan wujud pendirian menolak agama-agama lain yang dikatakan dogmatis dan tidak rasional atau saintifik.

Ia juga hasil penguasaan Gereja Katholik sebagai pentakrif sebenar Kristianiti hingga menyebabkan kebangkitan aliran Protestan dan terjadilah konflik yang parah antara keduanya dan akhirnya dileraikan oleh Majlis Vatikan yang kedua (*Second Vatican Council 1962-1965*) yang menyaksikan Gereja Katholik telah membuka pintu dan peluang keselamatan (*salvation*) bukan sekadar kepada kelompok Protestan tetapi juga kepada agama-agama lain.

Kepelbagaian dalam beragama cuba mencari titik temunya dan lahirlah suatu faham pluralisme beragama (*religious pluralism*) yang membuat pendirian semua agama adalah sama. Ia sedang berkembang di Barat dan sedang menjangkiti masyarakat Islam di Indonesia dan Malaysia. Fahaman ini cuba membuat justifikasi (andaian) bahawa semua agama adalah sama benarnya iaitu menuju hakikat ketuhanan yang Satu.

Dr. Muhammad Uthman el-Muhammady dalam bukunya, *Falsafah Agama John Hick, Pengamatan Dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah* banyak memberi fokus kepada buku ini mengenai *Philosophy of Religion* (1990).

“Ia perlu diberi perhatian yang serius dari segi ajaran Islam kerana ia membawa implikasi yang paling berat yang menyentuh akidah umat Islam di negara ini kerana pendirian yang bersifat falsafah itu boleh memusnahkan hidup kerohanian dan keagamaan hingga membawa kepada kemurtadan”.

Konsep pluralisme agama dalam erti pemikir seperti John Hick menyatakan bahawa semua agama adalah sama benar dan betul dan membawa ke syurga. Falsafah agama aliran John Hick adalah tidak munasabah/sesuai untuk sesiapa berbicara tentang sesuatu agama sebagai benar ataupun palsu, sebagaimana pula (tidak munasabah/sesuai) untuk sesiapa berbicara tentang sesuatu peradaban sebagai benar atau pun palsu. Ini kerana, agama-agama dalam erti Hick dilihat sebagai sungai-sungai agama budaya (*religio cultural stream*) dalam sejarah umat manusia adalah pengaliran bagi kepelbagaian jenis umat manusia dan bentuk-bentuk pemikiran mereka."

Dr. Mohd Farid Shahrhan dalam bukunya, *Pluralisme Agama Suatu Penilaian Islami* (IKIM : 2014) menyatakan pluralisme agama timbul di Barat dan mempunyai latar sejarah yang amat intim dengan perkembangan sejarah keagamaan di Barat, maka usaha mendalami makna yang terkandung dalam istilah ini harus bermula dengan melihat apa yang terkandung dalam perbahasan ini dalam kalangan sarjana Barat.

Katanya lagi, "*secara literal (lazim) pluralisme bermaksud suatu faham yang mengandaikan kewujudan suatu hakikat yang mempunyai dua atau lebih elemen yang bebas dan terpisah.*"

"Sebagai suatu istilah yang teknikal, pluralisme telah mula dibahaskan di Barat seawal abad ketujuh apabila ia mula digunakan oleh Christian Wolff (1679-1754) dan kemudiannya dipopularkan oleh William James (1842-1910) khususnya dalam konteks moral. Ia digunakan dalam makna yang berbeza-beza menurut bidang yang pelbagai seperti politik, falsafah, ekonomi, sains dan agama."

Terdapat tiga unsur utama mengikut Peter Bryne (1995) yang harus ada pada pluralisme agama:

1. Semua tradisi agama adalah sama dengan merujuk kepada Hakikat Tinggi yang Satu (*The Transcendent*).

2. Semua agama adalah sama dalam menawarkan jalan kepada keselamatan (*human salvation*).
3. Semua agama mempunyai pengalaman yang terhad dan boleh berubah mengenai hakikat kebenaran

Tambah Mohamad Farid lagi dengan memetik dari Anis Toha, dilihat dari sudut perbahasan ilmiah dalam tradisi Islam, faham pluralisme agama sebagaimana yang difahami di Barat adalah agak asing. Istilah bahasa Arab *al-ta'addudiyah* yang digunakan untuk menterjemah istilah pluralisme tidak dikenali secara popular dan tidak banyak dipakai dalam kalangan ilmuan Islam kecuali sejak lebih kurang dua dekad terakhir yang lalu.

Walaupun terdapat aliran-aliran yang dianggap “liberal” dalam tradisi falsafah dan teologi Islam seperti golongan ahli-ahli falsafah dan sebahagian kelompok *Mutakallimun* seperti Mu'tazilah mereka tidak mengetengahkan pandangan pluralisme agama.

Pandangan yang mengatakan Islam mengesahkan pluralisme agama menerusi petikan kata-kata di sana sini oleh beberapa tokoh ilmuan Islam seperti Ar-Rumi dan Ibnu 'Arabi yang kadangkala diambil di luar konteks bukanlah hujah yang kuat untuk membuktikan adanya faham tersebut dalam tradisi Islam. Apa yang harus dibuktikan ialah adakah terdapat banyak tajuk karya-karya berkaitan *maudhuk* (topik) tersebut sebagaimana yang berlaku dalam konteks Barat sekarang atau sekurang-kurangnya bab khusus berkaitan pluralisme agama dalam karya-karya teologi Islam, tambah Dr. Mohd Farid Shahrani lagi.

Dr. Anis Malik Toha (2014) memetik pandangan John Hick dalam bukunya, *Problems of Religious Pluralism* sebagai berikut : “*secara falsafah.... Pluralisme adalah pandangan bahawa agama-agama besar dunia merupakan perwujudan dari berbagai persepsi dan konsepsi tentang, dan secara bertepatan juga merupakan respons-respons yang berbagai terhadap Zat Yang Benar atau Tertinggi (yang sama) yang*

dilakukan dalam berbagai cara budaya utama menjadi manusia; dan bahwa setiap cara tersebut, sudah berlaku suatu transformasi kewujudan manusia secara nyata daripada pemusatan diri sendiri kepada pemusatan hakikat."

Tegas Dr. Anis Malik Thoha lagi wacana pluralisme agama ini bukanlah wacana keagamaan dan teologikal secara betul, akan tetapi lebih tepatnya, wacana ini adalah wacana bersifat politik (yang nampak dibungkus dalam kemasan agama). Sekurang-kurangnya demikianlah yang dialami secara empirikal (ilmiah) dalam konteks Indonesia.

Sebagaimana yang dapat dirakam dengan jelas, pemikiran pluralisme agama muncul dan berkembang daripada sebuah realiti sosiopolitik, dan bukan daripada wacana teologi (keagamaan). Dalam konteks Indonesia, merebaknya pluralisme agama adalah sebagai kesan logikal daripada ideologi "negara bangsa" yang berteraskan "demokrasi Pancasila" dan bukan "*vice versa*" (sebaliknya).

BAB 4

KESAN PASCA MODENISME TERHADAP AGAMA DAN ISLAM

Kesan langsung faham pasca modenisme terhadap agama dan Islam dianalisis oleh beberapa orang tokoh ilmuan Islam antaranya Prof. Akbar S.Ahmad di Eropah dan Dr. Muhammad Uthman el-Muhammady dari Malaysia.

Ada dua buah buku penting Akbar boleh dirujuk iaitu *Islam, Globalization and Postmodernity* (1994), dan *Postmodernity and Islam: Predicament and Promise* (1992) dan dua buah buku Uthman, *Pasca Modenisme dan Islam : Suatu Pandangan Awal* (2004), *Falsafah Agama John Hick, Pengamatan Dari Prespektif Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah* (2012).

Akbar dan Hastings Donnan (1994) melihat hubungan Barat dan Islam berada dalam keadaan yang tidak selari. Kes Salman Rushdie berkaitan karyanya, *Satanic Verse* mempertajamkan hubungan Barat dan Islam. Barat berpegang kepada kebebasan bersuara dan membenarkan kreativiti dan umat Islam merasakan ia suatu penyinggungan yang serius.

Kes Bosnia yang dizalimi pihak Serbia membangkitkan kesedaran baharu dalam kalangan umat Islam betapa ketidakadilan terjadi walaupun orang Bosnia majoritinya adalah Muslim nominal dan berada di wilayah pengaruh Eropah.

Ia diburukkan lagi dengan peranan media Barat yang mempunyai prasangka tinggi terhadap Islam. Islam dan wanita digambarkan dengan negatif sekali. Perkataan jihad pula disalahertikan.

Tinjauan popular di Barat menunjukkan majoriti merasakan Islam adalah ancaman masa depan selepas komunisme. Umat Islam pula merasakan ketidakadilan berlaku di Bosnia, Kashmir dan Palestine. Dunia berlaku tidak adil terhadapnya walaupun resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu memihak kepada mereka.

Ia dengan jelas menunjukkan betapa media Barat melakukan eksploitasi (penyelewengan) terhadap Islam iaitu Islam serta umatnya dilihat dengan sikap salah faham yang tinggi.

Perkara ini mudah difahami kerana dendam salibiyah masih wujud antara Barat dan Islam walaupun penolakan terhadap agama di Barat terjadi. Potensi Islam untuk bangun semula tetap ada dan ini menyebabkan Barat merasa tidak senang dengan fenomena ini dan wujud fenomena Islamophobia.

Baik modenisasi dan globalisasi atau pasca modenisasi, umat Islam menanggapinya dengan prasangka kerana Barat mempunyai agenda terhadap umat Islam.

Mana mungkin Barat yang menolak agama dan meletakkan rasionaliti sebagai ukuran mutlak terhadap kebenaran boleh menerima wajah Islam yang tidak menolak kepentingan wahyu yang dilihat sebagai tidak empirikal dan saintifik.

Akbar dalam buku lainnya (1992) menyebut faktor Islam disalahfahami di Barat. Masyarakat Islam percaya bahawa rahsia memperkasakan keluarga ialah rumah tangga. Keadaan masyarakat Barat pula muncul sebaliknya. Dadah, penderaan kanak-kanak, keganasan domestik (setempat), perceraian dan arak adalah indikator (petunjuk) kepada keruntuhan sosial. Islam yang mementingkan sistem nilai bersifat antagonistik (berlawanan)

dengan apa yang berlaku di Barat dan menyebabkan salah faham terjadi.

Nota penerbit dalam buku Uthman el-Muhammady (2004) menyatakan pasca modenisme memang wajar dianggap isu yang serius kerana ia boleh membawa implikasi besar terhadap tamadun dan umat Islam. Sebagaimana modenisme bermula sebagai fenomena Barat, demikian pulalah dengan pasca modenisme yang pada hakikatnya adalah lanjutan atau ekorannya.

Kerana itu, terdapat tanggapan bahawa pasca modenisme adalah suatu autokritik (kiritik sendiri) iaitu kritik Barat terhadap dirinya sendiri. Memang demikianlah hakikatnya, pasca modenisme adalah sejenis protes manusia Barat terhadap modenisme Barat yang dinilai telah gagal memenuhi janji-janjinya.

Uthman dalam pandangan awalnya mengenai pasca modenisme menyatakan kemunculannya berkait rapat dengan kerakusan masyarakat moden yang telah mencapai tahap kehidupan materialistik dan agnostik (tidak percaya kepada kewujudan Tuhan) yang paling puncak dan muncullah aliran pemikiran pasca modenisme. Antara ciri-ciri pentingnya ialah penafian subjek dan penafian realiti.

Katanya lagi, penafian kepada dua perkara tersebut lahiriah fenomena kehilangan makna (*meaninglessness*). Ia bukan setakat berhenti di sini tetapi membawa kesan kepada penafian terhadap kebenaran mutlak.

Pasca modenisme menyebutnya sebagai penjelasan (naratif) dalam kerangka besar (*grand narrative*) yang terkandung di dalamnya idea-idea tentang kebenaran mutlak dan metafizik seperti yang dijelaskan oleh epistemologi (teori ilmu) Islam mengenai konsep "Realiti dan Kebenaran".

Tambah Uthman lagi beberapa peribadi seperti Rotry, Lyotard, Derrida dan Foucoult dengan pelbagai cara dalam penulisan mereka menyatakan realiti atau hakikat sebenar yang ada dalam hidup lebih kompleks daripada apa yang kita fikirkan.

Realiti bukan wujud 'di sana' di luar diri kita yang kemudiannya digambarkan dalam fikiran kita. Ia adalah ciptaan manusia pada sebahagian daripadanya; kita manusia membentuk realiti mengikut keperluan, minat, prasangka dan tradisi budaya kita. Yang sebenarnya hakikat yang ada ini seluruhnya ciptaan manusia, ia *'dibuat oleh kita, bukannya diberi kepada kita'*.

Sepertimana yang didakwa oleh ahli pasca modenisme, ilmu adalah interaksi antara fikiran kita dengan alam dan dunia serta pengalaman kita tentangnya. Mengikut Uthman sudah tentu semua pengalaman ditentukan oleh konsep kita, kita melihat 'benda-benda', walaupun benda-benda fizikal, mengikut kaca mata budaya kita.

Tetapi pengaruh ini bukannya mengawal semua perkara. Setiap kali realiti menyebabkan kita hairan dan tercengang seperti yang ditunjukkan dalam sains dengan cara kita mengubah fikiran kita tentangnya, pernah orang menyangka bumi terhampar tetapi didapati ia bukan demikian.

Kalau kita pergi kepada realiti dengan huruf besar 'R' ia merujuk kepada Allah Pencipta alam. Ia bukan ciptaan manusia, memang kita cuba mengenalNya dengan zatNya, sifatNya dan perbuatannya mengikut kemampuan kita berdasarkan kepada data serta punca samawi dan kenabian, tetapi ia bukan dibuat atau dicipta manusia.

Kita ditanzulkan ilmu tentangNya sebagaimana yang terbukti daripada riwayat yang mutawatir dalam sejarah epistemologi (tubuh ilmu) kita. Memang ilmu ini boleh diterima oleh akal fikiran yang sejahtera, tetapi punca asalnya adalah wahyu dan

nubuwwah (kenabian) yang wujud dan operasinya adalah hakiki.

Tegas Uthman lagi, sebagai perkembangan yang timbul daripada konsep tentang realiti pasca modenisme di atas, terdapat pemikiran bahawa tidak ada perbezaan yang jelas, nyata serta tajam antara fakta dan nilai. Dikatakan bahawa semua kenyataan membayangkan nilai yang ia berkhidmat kepadanya dan semua pemikiran tentang nilai ditentukan oleh andaian faktual (fakta).

Pada kita ada kelainan kadar dan darjah iaitu apa yang kita kata fakta atau kenyataan adalah yang kurang menentukan nilai, ia bukan bebas daripada nilai. Ini timbul daripada pandangan Foucoult tentang pasca modenismenya bahawa ilmu ada padanya nilai iaitu mereka yang berkuasa mencipta ilmu itu mengembangkannya.

Mungkin ini kenyataan terlampau daripada Foucoult yang memandang ilmu mempunyai ciri konspirasi, tetapi tentang wujud kepentingan mereka yang terkait dengan ilmu itu memang ada, sebagaimana yang ditunjukkan dalam sejarah dan pengalaman.

Uthman turut memperincikan bahawa dalam Islam ilmu ada hierarkinya (tertibnya). Kalau ilmu tentang ketuhanan, kenabian serta alam ghaib yang menjadi pokok dalam akidah dan pandangan hidup Islam sebenarnya, maka tidak timbul ia dicipta oleh pihak yang berkuasa, sebab ia (ilmu) yang ditanzilkan dan disampaikan melalui wahyu dan *nubuwwah* kemudian ditentukan oleh ijmak ulama' yang berautoriti dalam bidangnya. Tidak ada bukti sejarah untuk menunjukkan bahawa mereka mengembangkan ilmu itu untuk kekuasaan dan apa-apa motif untuk kepentingan demikian.

Dalam konteks Islam, tegas Uthman lagi sangkaan bahawa ilmu itu dibentuk untuk kepentingan kekuasaan mereka yang berkenaan adalah tidak berasas. Sejarah perkembangan ilmu dan faham ilmu menunjukkan sangkaan sedemikian adalah tidak

berasas langsung. Prasangka ini adalah kemuncak kebidapan terhadap Allah dan RasulNya serta sejarah suci agama. Sangkaan itu menyebabkan seseorang Mukmin menjadi gugur imannya.

BAB 5

BEZA GLOBALISASI DAN MAKSUD ALAMIAH

Globalisasi sering dihubungkan suatu proses *westernization* atau pembaratan yang berlaku akibat tamadun kebendaan Barat melakukan dominasi terhadap gaya hidup orang lain termasuk masyarakat Islam. Seseorang menyebutkannya sebagai “penjajahan” bentuk baharu yang memberi fokus pada budaya popular menjadikan teknologi langit terbuka serta media baharu sebagai pengantara atau ejen penjajahan pemikiran dan budaya yang amat berkesan.

Jika globalisasi dihubungkan dengan kemajuan teknologi tinggi (*high tech*), sesetengahnya membawa faedah kepada pengguna. Bila diteliti kandungan, input dan nilai program yang terdapat dalam media baharu, ia kurang memberi sentuhan keinsanan (*high touch*) dan tidak mampu meningkatkan akal budi insan.

Namun begitu, terdapat pendekatan kreatif dan proaktif dalam kalangan penyumbang program yang berjiwa Islam membangunkan saluran internet seperti portal dan laman web yang menyajikan bahan-bahan yang lebih Islamik. Namun, jumlahnya masih jauh lebih kecil berbanding dengan portal dan laman web yang didominasi oleh pihak-pihak lain yang cuba membawa sistem nilai mereka dalam pelbagai orientasi.

Sementara konsep alamiah yang dibawa oleh Islam adalah berbeza dengan konsep globalisasi. Ia tidak saja berbeza dari segi bentuk (*form*) tetapi juga isi (*substance*). Alamiah dari sudut Islam mendukung aliran kesejagatan tetapi terhubung dengan maksud membawa risalah *rahmah alamiah*. *Rahmah alamiah* ini memberi fokus terhadap pembangunan diri insan seutuhnya di mana wujud perimbangan yang baik antara sumber dan pemanfaatan, ilmu dan kebenaran, kemajuan dan etika, teknologi dan nilai guna, media baharu dan kandungan yang memartabatkan kualiti keinsanan.

Globalisasi dalam erti kata yang luas adalah pancaran pasca modenisme iaitu suatu fahaman daripada sistem kapitalis yang mendukung faham neo liberalis yang memberikan definisi hak asasi manusia secara melampau tanpa ikatan agama mahupun etika. Apa yang amat dipentingkan adalah nilai komersial terhadap produk dan sebahagiannya untuk meraikan keperluan nafsu syahwat.

Ia menyebabkan berlaku perbahasan di Barat mengenai konsep pasca modenisme yang mendukung faham anti autoriti dan hierarki serta mencetuskan aliran anarki yang amat ketara. Ia amat bercanggah dengan konsep alamiah yang dibawa oleh Islam yang menekankan kepentingan nilai agama dan nilai peradaban yang sifatnya lebih manusiawi dan bukannya haiwani.

Penentangan terhadap autoriti dengan fahaman neo liberalisme menyebabkan serangan terhadap nilai-nilai yang bersifat tradisi, mengajukan faham kebesaran akliah tanpa batas dan tidak merujuk kepada nilai-nilai agama sebagai sumber etika dan nilai dan akhirnya kecenderungan memberontak terhadap *status quo* amat ketara sekali.

Keruntuhan hierarki sosial bermula dengan runtuhnya pola-pola kekeluargaan. Keruntuhan tersebut mewujudkan pola-pola gay dan lesbian yang menjejaskan keturunan serta faktor

kesinambungan generasi berada dalam dilema yang kritikal.

Keluarga adalah unit masyarakat yang terkecil. Jika ia runtuh dan timbul pola-pola baharu dalam sistem bermasyarakat, ia bakal melahirkan anarki. Walaupun isu genetik satu seginya menyumbang terhadap lingkungan ilmu pengetahuan tetapi dalam wilayah keturunan dan kekeluargaan ia telah melahirkan krisis.

Sebab itu konsep alamiah dalam tradisi Islam memberi fokus tentang pentingnya membina "*rijal*" atau manusia. Ia dijadikan fokus paling utama. Pembinaan manusia dalam erti kata yang lebih bermakna ialah keluarga. Al-Qur'an sendiri memberikan asas *litaarrafu* (Al-Hujuraat; 49 : 13) atau maksud "berkenalan" dalam erti kata binaan keluarga yang bakal menghasilkan zuriat dan keturunan dan asas alamiah terhadap kemuliaan insan terhubung kepada Pencipta iaitu hubungan rohaniah yang merintis ke arah God conciousnes atau keinsafan mengenai kuasa Allah.

Di dalam Al-Qur'an terdapat kisah dan sejarah Nabi Lut AS yang cuba mencegah kaumnya daripada melakukan manifestasi hubungan sejenis kerana kesan terhadap binaan keluarga dan zuriat keturunan amat besar sekali. Ini seharusnya dijadikan *ibrah* atau pengajaran kepada generasi terkemudian supaya martabat insan tidak terjebak dalam kedurjanaan yang menolak hidup yang fitrah.

Gejala tersebut muncul semula pada abad ini. Ia adalah gambaran anarki (suatu keadaan yang tidak tertib) akibat manusia tidak menjadikan agama yang fitrah dan sifatnya berketamadunan sebagai sumber rujukan serta menjadikan akal dan teknologi segala-galanya. Ia telah menatijahkan manusia hilang nilai manusiawinya dan lahirilah pola-pola haiwani dalam pelbagai bentuk dan manifestasi.

Konsep dan fahaman globaliasi sifatnya bebas nilai (*value free*)

sedangkan konsep dan fahaman alamiah seperti yang terungkap di dalam Al-Qur'an adalah terhubung dengan nilai (*value laden*). Kalau adapun ikatan nilai dan etika dalam faham globalisasi ini, ia bersifat mekanistik dan teknologikal. Ia sifatnya normatif dan relatif berubah sekaligus berasaskan iklim sosial semasa.

Faham alamiah dalam pengertian yang luas terhubung dengan nilai dan etika yang sifatnya mutlak dan memberi makna kepada isu amanah, jujur, ikhlas, adil, telus, tulus, bijaksana dan seumpamanya kerana ia terhubung dengan Allah.

Allah sebagai Pencipta, Pengurus atas segala-galanya mempunyai autoriti yang tertinggi di mana hierarki insan tertakluk pada hukum-hakam yang fitrah dan menjadikan interaksi sesama insan tertib dan terpedoman. Tidak berlaku anarki kerana asas adab dan *taadib* (mendidik diri) menjadi suatu syarat keinsanan yang amat utama.

Oleh kerana faktor globalisasi amat mendominasi dalam semua aspek dan bidang, ia telah mengekalkan umat Islam sebagai umat pengguna terhadap keunggulan orang lain. Umat Islam harus bangkit sebagai umat penyumbang terhadap keperluan umat manusia yang lain.

Fokus yang harus dijadikan rujukan adalah pembinaan diri insan seutuhnya. Sekiranya potensi akhlah dan rohaniah dapat dibangunkan dengan ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem maka bakal berlaku suatu tajdid (transformasi) yang lebih bermakna supaya semangat Andalusia dapat lahir dalam bentuknya yang lebih bertenaga, strategis dan sifatnya menyumbang untuk mengembalikan karamah insan atau kemuliaan manusia pada tempatnya yang fitrah. Ilmu, pemikiran, kekuatan peribadi dan amalan menjadi tunjang pada konsep alamiah yang mampu mengembalikan manusia kepada fitrah semula jadinya.

Tanpa asas alamiah ini manusia akan kehilangan arah dan pedoman. Kehebatan manusia hanya diukur kepada kehebatan menghasilkan barangan sains dan teknologi tetapi tidak pada kehebatan akal budi dan sahsiahnya. Konsep alamiah ini tidak menolak potensi akliah dan teknologi tetapi ia hendaklah terarah dalam acuan menjadikan manusia itu lebih manusiawi dan bukannya haiwani.

Globalisasi sebagai suatu versi lain pasca modenisme melakar bentuk yang hegemonik dalam semua aspek pemikiran, kreativiti dan kehidupan. Pola perubahan semestinya dari Barat dan bukannya dari bahagian lain di dunia ini.

Pasca modenisme cuba menawarkan sesuatu yang lebih baharu dan berdaya maju tetapi menafikan peranan agama sebagai sesuatu yang amat mendasari.

Tidak seperti agama-agama yang lain, Islam bukan sahaja mempunyai asas teguh sistem kepercayaannya tetapi mengatur jalur kehidupan supaya wujud keseimbangan antara faktor dalaman diri manusia dengan faktor amalnya. Faktor akliah bukanlah segala-gala. Rasionaliti hanya sebagai suatu bentuk penjana ilmu yang sifatnya terbatas dan ia memerlukan asas etika dan nilai supaya kekuatan akliah memiliki ukur tara untuk sampai kepada kebenaran yang hakiki.

Pendekatan pensejagatan ini bertujuan meletakkan Barat dalam paksi utama perubahan dan kemajuan. Acuan ini ingin dipaksakan kepada penganut agama terutama Islam yang tidak menolak kepentingan akliah, berfikir dan rasionaliti tetapi terpandu dengan faktor nakliah yang sifatnya memberi pedoman.

BAB 6

HAK ASASI BUKAN MONOPOLI BARAT

Bila disebut hak asasi manusia, Barat sering dijadikan rujukan mutlak. Cara berfikir dan cara hidup orang Barat dijadikan ukur tara mengenai jenis hak asasi manusia yang harus diguna pakai di Malaysia.

Sebuah negara seperti Malaysia tidak sama dengan Sweden atau Amerika Syarikat yang perlu dijadikan rujukan mutlak mengenai gaya hidup dan cara berfikir masyarakatnya. Malaysia tidak menentang untuk menjadi negara maju tetapi kemajuan biarlah dalam acuan kita sendiri.

Acuan Malaysia tidak menolak faktor maju positif yang terdapat di Barat. Kemajuan ilmu pengetahuan yang bermanfaat umpamanya adalah faedah berbanding yang baik bagi Malaysia. Sebab itu Malaysia menganjurkan para pelajar yang terpilih belajar pelbagai disiplin ilmu yang berguna di Barat atau di mana-mana kerana ia boleh menyumbang terhadap Malaysia yang ingin menjadi negara maju.

Manfaat berbanding ini lebih banyak memberi fokus pada aspek sains dan teknologi. Penguasaan kemahiran yang mekanistik belum tentu menghasilkan jenis sumber daya yang memiliki kualiti keinsanan dan keihisan yang tinggi.

Justeru, “upaya selektif” dan tapisan (*filtering*) adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan supaya ilmu dan kemahiran bukan sahaja memberi nilai guna yang tinggi terhadap kehidupan tetapi terdapat sumbangan bernilai membangun akal budi dan kualiti keinsanan yang fitrah sifatnya.

Pada masa yang sama, pembinaan negara Malaysia dalam corak masyarakat majmuk iaitu memiliki kemajmukan budaya, agama dan sistem kepercayaan yang memungkinkan hak asasi terbina atas faktor yang berkaitan. Setiap agama di Malaysia mengajar manusia mengenai kebaikan. Perbezaan dari segi aliran kepercayaan dalam beragama diberi pedoman oleh Al-Qur’an, “*Laqum deenukum waliyadeen*” (Kamu agama kamu dan kami agama kami). Asas ini sangat penting diketahui supaya perbezaan etika itu jelas dan daya toleransi wujud serta menimbulkan rasa saling hormat antara satu sama lain. Ia adalah salah satu ciri daripada maksud hak asasi cara kita.

Barat kini sedang mengalami pengaruh pasca modenisme dan neo liberalisme yang sifatnya anarki. Krisis genetik yang mereka alami, penolakan terhadap sistem kekeluargaan, suburnya amalan gay dan lesbian, kebebasan tanpa batas yang berlaku dalam kalangan remaja dijadikan kriteria penting dalam menentukan hak asasi manusia.

Mereka tidak lagi dipandu oleh etika agama jauh sekali aliran falsafah yang membawa ke arah kemurnian. Aliran anarki yang berkembang menyebabkan ketertiban dan keteraturan dalam rukun kehidupan tidak wujud lagi. Faham individualistik, konsumeristik dan hedonistik menjadi ciri penting dalam membina budaya baharu yang dihubungkan sebagai faktor hak asasi.

Jika diteliti buku karangan Prof. Ismail Faruqi mengenai *Christian Ethics* atau Dr. Zakir Naik mengenai *Hindu Ethics* dan Confucius (K’ung-Fu-Tzu) tentang *The Analects* ternyata etika

yang terkandung mendukung hak asasi yang membawa kebaikan kepada manusia.

Islam umpamanya, menghubungkan hak asasi dengan sesuatu yang amat fitrah. Fitrah kejadian manusia tidak boleh sebebaskan-bebasnya tanpa pedoman nilai dan etika. Islam meletakkan kesejahteraan hidup manusia dengan batas pedoman yang terbaik supaya kehidupan manusia berjalan secara manusiawi dan bukannya haiwani.

Apabila ada pihak yang menganjurkan kegiatan Seksualiti Merdeka 2011 di Malaysia, ia adalah suatu paradoks (kesongsangan) dalam memahami makna kebebasan dan hak asasi dalam realiti Malaysia. Setiap agama di Malaysia tidak mengizinkan kesongsangan seperti ini terjadi. Kerosakan yang dibawa oleh budaya popular Barat terhadap generasi muda sudah cukup meresahkan banyak pihak.

Dengan mengizinkan kegiatan yang mengarah kepada gay dan lesbian di Malaysia memberi petanda seolah-olah orang-orang di Malaysia tidak memiliki agama, etika dan nilai manusiawi yang sentiasa menjaga kepentingan adab dan kesantunan dalam kehidupan. Seksualiti Merdeka 2011 yang dianjurkan oleh badan-badan yang dikenali memberikan isyarat silap terhadap masyarakat Malaysia dan memperlihatkan tembelang sebenar kelompok ini.

Al-Qur'an yang menjadi pedoman penganut Islam sering menjadikan kisah Nabi Lut AS sebagai *ibrah* mengenai kisah kaumnya yang terjebak dalam hubungan sejenis. Akibatnya, kaum tersebut dihancurkan oleh Allah SWT. Pada hari ini, akibat budaya gay dan lesbian yang sangat berkembang di Barat menyebabkan musibah AIDS/HIV menjadi bencana yang belum terlerai.

Amatlah malang sekali kecenderungan anarki (*disorderly*) tersebut ingin dibawa ke Malaysia atas nama menghormati

hak asasi manusia. Isyarat yang salah ini kalau dibiarkan bakal menjadi wabak yang tidak mampu dibendung nanti. Ia bakal meruntuhkan sistem kekeluargaan yang ada serta merosakkan sistem nilai yang didukung sekian lama.

Aspek positif dalam binaan hak asasi yang terdapat di Barat boleh diambil dan disesuaikan dengan iklim beragama dan berbudaya serta tradisi berfikir masyarakat Malaysia. Kebebasan bersuara, berfikir, melakukan interaksi sosial, menentukan keadilan dan kesaksamaan tegak secara beretika adalah sumber hak asasi yang baik. Namun, apabila seluruh budaya Barat itu ingin dijadikan rujukan mutlak dalam memahami erti dan makna hak asasi yang sebenar, ia menjadi sesuatu yang tidak sihat.

Menghormati perbezaan anutan agama dalam masyarakat Malaysia, kelainan amalan tradisi dan budaya adalah sesuatu yang menepati maksud hak asasi manusia. Dan apabila etika berbagai agama yang menyatakan gay dan lesbian itu tidak selari dengan ajaran agama masing-masing, ia adalah sesuatu yang selari dengan iklim kehidupan masyarakat Malaysia.

Dalam konteks Malaysia, sub budaya ini tidak perlu meskipun mereka mengatakan kelompok ini perlu diiktiraf kewujudan dan kehadirannya. Masyarakat di Malaysia sudah sekian lama melalui norma hidup yang harmoni hasil wujudnya etika dan nilai baik yang terdapat dalam agama-agama yang ada. Sub budaya yang membawa contoh yang merosakkan tidak harus dibiarkan berkembang kerana dengan pengaruh media baharu ia boleh menjadi barah kepada generasi muda. Sekiranya ini berlaku, kepentingan etika dan nilai yang berasaskan agama dan budaya murni bakal pupus. Hal ini yang dikehendaki oleh penyusun agenda hak asasi di Barat supaya umat beragama terjebak dengan strategi popular mereka. Lebih malang lagi wujud individu dan organisasi yang dikenali menjadi penaja bagi kegiatan ini di Malaysia.

Perjuangan kumpulan Comango di Geneva baru-baru ini yang terhubung dengan hak asasi manusia, peruntukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia, LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transgender) adalah contoh jelas bagaimana elemen-elemen pacsu modenisme ini cuba meresap masuk ke dalam sistem bernegara masyarakat Malaysia.

Mujur terdapat individu dan NGO Islam yang peka dengan apa yang berlaku dan melakukan perimbangan di Geneva supaya suara umat Islam kedengaran kerana majoriti rakyat Malaysia adalah beragama Islam dan Islam adalah agama Persekutuan bagi negara Malaysia.

Apa yang peliknya, terdapat orang-orang Islam yang turut sama dalam perjuangan Comango ini seolah-olah mereka sudah tercabut daripada akar agama serta tradisi dan terjebak dalam hak asasi manusia yang kebaratan sifatnya.

BAB 7

KITA DAN BARAT BERBEZA

Kita tidak mengambil sikap menentang Barat kerana Barat itu Barat. Tetapi kita agak berhati-hati dengan proses pembaratan. Pembaratan adalah suatu agenda. Globalisasi umpamanya adalah agenda Euro Amerika terhadap pihak lain. Terdapat manfaat daripada proses globalisasi dan terdapat juga perkara yang tidak bermanfaat dalam proses tersebut.

Pasca modenisme kini juga versi lain kepada agenda Barat. Rasionaliti dijadikan ukuran mutlak mengenai pemikiran dan cara hidup. Pedoman agama terhakis dan asas empiris dijadikan ukuran mutlak menilai sesuatu. Kemajuan sains dan teknologi Barat boleh dipelajari kerana padanya terdapat manfaat berbanding. Isu pengklonan, teknologi nano, teknologi robotik, stem sel dan sebagainya boleh dipelajari asal sahaja dikaitkan dengan etika penggunaannya. Teknologi maya dan siber umpamanya adalah berguna tetapi berlaku juga salah guna yang menyebabkan kemudaratan berlaku.

Dalam tradisi Islam umpamanya, teknologi selamanya alat. Ia bukannya matlamat. Matlamat ditentukan oleh nilai guna yang terdapat pada teknologi itu. Komputer umpamanya adalah alat yang berguna sebagai saluran mendapatkan dan menyampaikan maklumat. Namun, input, perisian dan program dalam komputer memerlukan saringan. Jika tidak, sebahagian kandungannya boleh

membawa mudarat terhadap pemikiran dan mentaliti pengguna. Dalam keadaan penggunaan yang lepas bebas, generasi muda akan mudah terpengaruh dengan bahan-bahan yang disajikan. Program-program lucah seperti pornografi umpamanya mudah didapati dan ia boleh merosakkan hati budi generasi muda.

Penyediaan input dan perisian ikut acuan kita adalah cabaran yang terbesar kepada umat Islam dan umat yang beretika kerana terdapat para penyedia program kurang peka terhadap perkara-perkara ini. Apa yang mereka pentingkan adalah faktor dagang yang menghasilkan pulangan yang lumayan.

Barat sedang menempa suatu proses tamadun cara mereka sejak lebih 700 tahun yang lalu. Kita menjadi pengguna terhadap apa yang mereka hasilkan. Kita masih jauh lagi untuk menjadi penyumbang terhadap kemajuan umat manusia. Oleh itu, sebahagian daripada kita menjadikan Barat sebagai indikator maju. Untuk maju mesti ikut cara Barat. Seolah-olah Barat dianggap segala-galanya.

Umat di luar Barat harus mempunyai tekad tinggi untuk membangun ikut acuan kita sendiri. Sumber-sumber berbanding yang baik dan bermanfaat kita ambil dan pelajari. Sumber-sumber yang tidak selari dengan etika dan sistem nilai kita harus ditolak. Budaya popular Barat umpamanya tidak harus menjadi sumber ikutan kita. Pemahaman mengenai faham liberal dan neo liberal yang terkait dengan hak asasi manusia yang ditakrifkan tanpa mengambil kira faktor agama dan kesusilaan hidup yang fitrah harus ditolak.

Bukan semua sampah sarap dan pemikiran ke arah seksualiti di Barat harus kita ambil. Kita adalah umat yang mempunyai sumber ikutan dan pegangan. Jika tidak, agenda Barat yang ingin menjadikan globalisasi sebagai agenda “penjajahan bentuk baharu” akan menjadi suatu realiti. Contohnya, Barat tidak lagi mengamalkan sistem keluarga luas (*extended family*), malah

keluarga kecil (*nuclear family*) jumlahnya tidak sebanyak mana. Tetapi kecenderungan terhadap pola keluarga yang baharu seperti gay dan lesbian adalah sesuatu yang amat berkembang di Barat. Malah, negara seperti Amerika Syarikat, Great Britain dan Perancis mewujudkan undang-undang membolehkan LGBT berlaku.

Barat bakal menghadapi krisis genetik yang parah pada masa kini dan pada masa depan kerana keyakinan mereka terhadap sistem kekeluargaan yang fitrah sifatnya sudah menjadi suatu *taboo* (kejanggalan). Sebab itu, kajian mengenai isu genetik semakin subur di Barat kerana isu kekeluargaan sedang mengalami suatu definisi dan struktur yang baharu.

Konsep pasca modenisme (*postmodernism*) di Barat sudah menghasilkan corak hidup yang anarki (*disorderly*) dari sudut kehidupan yang lazim dan fitrah. Umat Islam umpamanya dituntut dengan struktur hidup yang fitrah di mana pembentukan keluarga dan zuriat amat diutamakan. Inilah asas bagi kesejahteraan hidup manusia supaya landasan agama seperti Al-Qur'an umpamanya dijadikan pedoman terbaik bagaimana pembinaan keluarga dan umat manusia harus berlaku.

Umat manusia hari ini memerlukan tatacara baharu dan fitrah dalam memberi makna perubahan, pembangunan dan kemajuan. Dalam tradisi Islam, fokus terhadap *rijal* atau pembinaan manusia dijadikan sasaran yang penting. Manusia itu harus dibangun seutuhnya dalam kekuatan akal yang membolehkannya berfikir dengan baik, kekuatan hati atau kalbu yang membolehkan manusia memiliki nilai-nilai yang makruf serta tahu membezakan yang baik dengan yang buruk.

Pada masa yang sama, kekuatan akliah dan nafsiah dijadikan seimbang supaya corak amal yang dilakukan mendukung kesejahteraan diri dan umat manusia. Fokus terhadap manusia inilah yang menjadi faktor utama yang menyebabkan faktor ke arah perubahan berlaku dengan baik dan terarah.

Perubahan atau *change* dalam perspektif Barat tidak sama dengan perspektif Islam. Perubahan di Barat lebih mekanistik dan menumpu pada penghasilan bentuk (*form*). Teknologi tinggi contohnya, adalah bentuk yang dianggap mempunyai kuasa merubah pemikiran dan gaya hidup manusia. Sedangkan dalam tradisi Islam, keutamaan diberikan terhadap *substance* atau isi dan makna perubahan itu kepada manusia. Bila manusia berubah dari tidak baik kepada baik, dari meninggalkan kemungkaran kepada yang makruf, dari benda-benda yang berdosa kepada yang berpahala, ia adalah sesuatu perubahan yang fitrah.

Isu yang berbangkit adalah teknologi tinggi (*high tech*) yang memberi manfaat kepada manusia. Bagaimana pula sentuhan keinsanan (*high touch*) yang menuntut kualiti amanah, jujur, ikhlas, adil dan bijaksana yang perlu ada bagi manusia. Tanpa nilai-nilai murni ini sentuhan keinsanan tidak akan terjadi.

Inilah perbezaan asas yang menyebabkan kecenderungan manusia ke arah gelagat yang lebih haiwani terjadi. Amalan gay dan lesbian, homoseks dan heteroseks, liwat dan lain-lain sedang dikemukakan oleh kelompok neo liberalis seolah-olah semua itu adalah puncak bagi perjuangan hak asasi manusia. Sekiranya pola budaya seperti itu bakal berkembang dalam masyarakat kita, bayangkan jenis kerosakan yang bakal mempengaruhi masyarakat khususnya generasi muda kita. Ia menuntut bukan sahaja sikap penolakan yang tinggi terhadap amalan itu tetapi tekad membangunkan semula masyarakat kita mengikut acuan yang fitrah supaya kita ini lebih manusiawi dalam binaan watak dan gelagat.

BAB 8

HAK ASASI YANG ISLAMI

Hak asasi yang Islami mengambil pendekatan syar'ii dalam memberikan batas dan pedoman terhadap sesuatu yang kita lakukan. Ia tidak sama dengan pendekatan Barat yang menjadikan faham liberal dan neo liberalisme sebagai landasan mengungkapkan hak asasi manusia. Ia terlepas daripada pertimbangan agama dan etika.

Globalisasi yang sedang berjalan antara agendanya adalah mengembangkan faham liberal dan neo liberalisme ke negara-negara Islam supaya tunjangan perubahan yang dibawa adalah ke arah pembebasan diri daripada ikatan agama. Islam dengan strategi Islamophobia Barat dilihat sebagai ancaman kepada kelangsungan dunia Barat.

Mereka tahu Islam yang dikembangkan dalam bentuk ketamadunan (*civilisational Islam*) menjadi penggugah kepada tamadun Barat yang sudah berlangsung lebih 700 tahun. Mereka tahu bahawa kekuatan tamadun Barat pernah terhutang ilmu kepada kekuatan tamadun Islam suatu ketika dahulu di Andalusia yang juga berkembang lebih 700 tahun.

Kebangkitan kesedaran Islam di Barat hari ini menjadikan mereka bimbang tentang kemungkinan Islam dengan potensi yang ada padanya muncul sebagai orde baharu dunia pada masa hadapan. Umat Islam memerlukan daya kepimpinan yang lebih

dinamik untuk menggerakkan tajdid dalam ilmu dan pendidikan. Jika ini berlaku, sumber kekayaan yang ada dalam perut bumi negara-negara Islam akan dapat dimanfaatkan dengan baik melalui pemerksaan ilmu mengurus diri (akidah, ibadah, syariah dan akhlak) sekaligus memperkasa ilmu mengurus sistem (sains, teknologi, ICT dan lain-lain).

Pendekatan integratif dalam proses pengilmuan dan pendidikan ini amat dituntut supaya corak modal insan yang bakal dilahirkan mampu menjadikan landasan syariah sebagai rujukan utama. Ia nanti diharapkan menjadi pedoman terbaik kerana bukan sahaja aspek akal dikembangkan tetapi aspek etika juga dijadikan pedoman.

Memahami hak asasi yang Islami atas asas *maqasid syar'iyah* (maksud hukum syarak) mempunyai enam dasar atau usul yang dinamakan Usul As-Sittah. Pertama, pentingnya hak asasi yang dikembangkan atas maksud pemeliharaan agama. Kedua, mustahaknya dijaga kepentingan nyawa manusia yang melibatkan hukum dan perundangan. Ketiga, pentingnya dipelihara akal supaya akal menjadi sihat dan tangkas. Keempat, perlunya menjaga harta kerana ia adalah kurniaan Allah yang amat berharga. Kelima, keturunan harus dipelihara supaya sistem keluarga terurus dengan baik dan memberi manfaat kepada umat manusia dan keenam, menjaga maruah supaya jati diri manusiawi tidak pupus dan hilang.

Enam dasar atau usul tersebut menjadi tunjang pada pemahaman terhadap hak asasi yang Islami. Maksud memelihara agama dalam erti kata yang luas adalah menjadikan kepentingan akidah, ibadah, syariah dan akhlak sebagai tunjangan supaya pembangunan dan pengurusan diri insan berlaku dengan menjadikan akidah sebagai ikatan manusia dengan Pencipta.

Ibadah bukan sahaja dikembangkan dengan khusus (*khassah*) seperti solat, puasa, zakat dan haji untuk membangunkan kualiti

rohaniah diri insan tetapi juga membangun keupayaan akal dan kemahiran yang dipandu oleh nilai-nilai *Rabbaniah* yang tinggi. Ia bukan sahaja menjadikan Islam sebagai suatu sistem kepercayaan tetapi juga sebagai suatu cara hidup.

Maksud memelihara nyawa adalah supaya sistem kehidupan manusia diatur atas rasa saling menghormati faktor nyawa yang dikurniakan Allah supaya manusia jangan melampaui batas sehingga berlaku kecederaan dan pembunuhan serta menyebabkan masyarakat dan negara kacau bilau. Jalur syariah memberi pedoman dan peraturan bagaimana ia dapat diatasi selari dengan tuntutan kemanusiaan.

Maksud memelihara akal adalah supaya akal itu diberikan ilmu yang benar. Ilmu yang benar apabila diserapkan ke dalam hati, ia bakal membangun suatu peribadi. Peribadi yang berilmu akan mengambil pertimbangan yang waras serta bijaksana dalam pemikiran dan amalan. Ia adalah asas membina etika dan tamadun. Justeru, Islam melarang pengambilan arak dan perkara-perkara yang menimbulkan ketagihan dan memabukkan supaya akal manusia tetap terpelihara. Memelihara akal manusia ini adalah faktor hak asasi yang amat penting supaya kewarasan dalam diri terjadi yang menghasilkan kebijaksanaan dalam tindakan berlaku.

Maksud memelihara harta adalah kerana ia adalah sumber rahmat dan nikmat daripada Allah. Ia patut diuruskan dalam batas syarak supaya kecenderungan eksploitasi tidak berlaku dan manfaat harta apabila diurus mengikut pedoman syarak akan membawa kesejahteraan kepada umat manusia.

Maksud memelihara keturunan adalah faktor syarak yang sangat mengambil pertimbangan tentang pentingnya keturunan dijaga supaya hubungan sesama manusia berjalan dengan baik, tidak berlaku kemungkaran yang menyebabkan perkembangan keturunan menjadi rosak. Larangan Al-Qur'an supaya jangan

mendekati zina adalah anjuran terbaik supaya memelihara keturunan dapat dilakukan. Bayangkan, akibat zina lahir anak yang tidak sah dan menyebabkan kehidupannya dirundung malang dan ia akan menimbulkan fitnah dalam masyarakat.

Maksud menjaga maruah adalah kerana orang-orang Islam itu ada jati diri. Jati diri Islami memberikan gambaran tentang imej dan kekuatan Islam itu sendiri. Islam dan umat Islam menjadi sumber dakwah dan sumber contoh kepada orang lain. Maruah Islam akan tercalar sekiranya ciri-ciri Islam tidak terlihat pada dalam percakapan dan perbuatan penganutnya. Menjaga maruah Islam adalah dengan menjaga maruah diri. Maruah diri terbina dengan kekuatan ilmu, pemikiran dan amalan. Kekuatan Islam ditunjangi tidak saja dengan kekuatan rohaniah yang tinggi tetapi terpancar dalam watak amaliah yang memberi contoh kepada orang lain (*"Illallazi na'amanu wa'amilussalihah"* - Surah Al-Asr).

Sekiranya enam teras tersebut menjadi sumber amalan umat Islam ia akan memberi makna yang murni tentang hak asasi yang Islami. Ia amat selari dengan fitrah insan yang ingin menjadikan faktor manusiawi sebagai cerminan hidup, bukan kualiti haiwani yang sedang menjadi amalan sebahagian manusia.

Faktor syarak menjadi asas yang amat penting menunjangi hak asasi. Ia terhubung dengan etika dan nilai yang Qur'ani. Dengan pedoman ini hak asasi seiring dengan tuntutan dan keperluan fitrah insan. Fitrah insan yang terbina dengan faktor syarak menjadi manusia Muslim yang memiliki kualiti keihisanan dan keinsanan yang menyebabkan keseimbangan wujud. Tanpa keseimbangan keadilan tidak akan berlaku dan ketempangan akan terjadi.

BAB 9

ANARKI DAN FAHAM PASCA MODENISME

Faham pasca modernisme yang menolak autoriti dan hierarki adalah salah satu cabang faham neo liberalisme yang berkembang di Barat dan sedang menjangkiti masyarakat negara lain. Darinya lahir faham anarki (*disorderly*) yang menolak sesuatu yang bersifat tradisi dan terkait dengan agama.

Faham ini ingin melahirkan aliran baharu dalam berfikir dan tindakan atas nama hak asasi manusia atau “*civil liberty*” yang menjadi agenda mereka. Kecenderungan ke arah amalan LGBT umpamanya adalah salah satu daripada pola amalan yang dianggap sebagai menepati hak asasi yang sedang dicetuskan.

Pergerakan anarki ini bukan sahaja berlaku di Barat tetapi sedang kelihatan terjadi dalam negara kita Malaysia. Kecenderungan merusuh, tidak menghormati undang-undang, tidak sensitif pada kepentingan ramai, merasakan kumpulan minoriti paling berkuasa serta hilangnya tradisi perbincangan dan muzakarah adalah antara gejala yang sedang terjadi.

Kecenderungan ini amat merbahaya bagi Malaysia. Malaysia dalam konteks masyarakat berbilang memerlukan rasa sensitif atau kepekaan yang tinggi dalam kalangan warganya untuk menjaga masalah ini supaya tidak ada pihak yang dibenarkan

mengambil kesempatan untuk mencetuskan huru-hara dan melakukan tindakan provokatif yang menyebabkan konflik terjadi.

Di Barat kecenderungan ini terhubung dengan Teori Konflik dengan maksud terjadinya perbalahan dan menyebabkan kecenderungan anarki terjadi dan pihak-pihak yang mempunyai agenda tertentu mengambil kesempatan dari keadaan yang terjadi.

Amat dibimbangi kecenderungan anarki ini tidak saja menjadi tunjangan pengikut neo liberalis saja tetapi sedang menghinggapi pendukung gerakan politik Islam yang sanggup melakukan kerusakan terhadap harta sehingga bertindak membahayakan nyawa orang lain.

Islam sangat mencegah keadaan tindakan yang menjurus pada kebinasaan. Apabila undang-undang tidak perlu dipatuhi, ia mencerminkan kecenderungan anarki. Tindakan merosakkan harta dan mencederakan orang lain sehingga ingin melakukan kerusakan yang lebih teruk bukanlah ajaran Islam.

Antara kecenderungan anarki yang diimport daripada pengaruh neo liberalisme serta pendekatan ekstremis dan pelampau yang mempengaruhi sesetengah pendukung gerakan politik Islam, ia dapat diibaratkan seperti air dan minyak bercampur serta seolah-olah menjadi satu untuk suatu maksud tertentu.

Kedua-dua aliran pengaruh ini cuba mencari kesempatan bagaimana suasana yang kecoh boleh menguntungkan pihak luar Malaysia dan bagaimana pihak yang mempunyai fahaman pelampau dalam negara cuba mencetus suasana anarki yang membolehkan mereka mendapat *political mileage* atau keuntungan politik.

Sepertimana yang berlaku di negara-negara lain, mereka berharap tindakan yang bersifat anarki dapat membawa perubahan politik dan membolehkan pihak yang berkepentingan

mengaut pengaruh daripadanya dan menutup langsung pintu dialog atau muzakarah kerana cetusan dendam kesumat terlalu membuak-buak hingga tercetus nafsu *ammarah* yang tinggi kerana nafsu politik mengatasi pertimbangan agama dan etika.

Ia dihangatkan lagi dengan peranan media baharu yang juga mengambil trend anarki dengan laporan sensasi serta provokatif berkembang dan menyebabkan pihak awam terheret sama tanpa keupayaan untuk menentukan kesahihan sesuatu maklumat dan cerita sehingga menyebabkan konflik pemikiran terus berlaku. Ia bakal menghasilkan kecelaruan yang berterusan dan minda awam terperangkap kerananya.

Isu LGBT yang hangat diperkatakan di Malaysia adalah akibat daripada faham anarki yang tidak lagi terpaut dengan nilai-nilai agama dan kemanusiaan. Satu pihak merasakan bahawa isu LGBT boleh membawa bencana kepada umat manusia, manakala di suatu sisi pihak yang memperjuangkan Islam secara melampau menganggap isu LGBT adalah sesuatu yang kecil.

Kisah Nabi Lut AS mendepani kaum yang ingkar dan melanggar nilai-nilai yang fitrah di dalam kehidupan sentiasa menjadi *ibrah* umat Islam kerana kisah itu sifatnya mengulangi. Apa yang sedang berlaku di Amerika Syarikat yang membenarkan amalan gay dan lesbian berlaku membuktikan bahawa amalan kaum Nabi Lut AS itu dianggap sebagai suatu norma dan diterima oleh mereka.

Jika kelompok Islam yang ada kepentingan politik menganggap itu adalah suatu perkara yang kecil serta menguasai politik dan pemerintahan adalah sesuatu yang lebih utama, ia menunjukkan aliran anarki sedang berkembang dan menentukan sesuatu yang lebih utama sudah menjadi sesuatu yang remeh dan kecil. Ia menggambarkan sikap pragmatik yang berbaur anarkis.

Tradisi Islam amat mengutamakan kepentingan adab.

Rasulullah SAW dalam hadisnya menyebutkan, “*Addabani Rabbi Faahsana Ta’dibi*” (“Ya Allah, didiklah aku dengan didikan yang terbaik”). Para ulama’ dan ilmuan mentakrifkan adab itu kepada disiplin akliyah, *ruhiyyah* dan amaliah.

Tiga faktor dalam diri insan ini jika terurus baik maka sahsiah mithali akan lahir. Ia menyokong naluri dan kecenderungan manusia untuk mencontohi yang terbaik supaya manusia memiliki sifat taklif atau amanah yang tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai *ibadullah* dan *ibadur rahman*. Inilah prasyarat membangunkan insan *muttaqeen*.



BAB 10

FAHAM MENGEKAL DAN MENGEMBALIKAN MANUSIA KEPADA FITRAH

Allah menjadikan manusia dalam keadaan fitrah. Pendidikan dan persekitaran menyebabkan manusia lari dari fitrah dan menyebabkan faktor haiwani lebih tertampil.

Isu tasawur (*world view*) dan binaan fikrah insani harus dijadikan fokus supaya dualisme yang terjadi dalam pemikiran, sikap dan amalan umat Islam dan umat manusia dapat disantuni dan diraikan.

Proses sekularisasi dan liberalisasi di Barat dalam semua dimensi menghasilkan faham menolak agama dan nilai dan menyebabkan perubahan sosial, ekonomi, politik, budaya, media massa berkembang dalam batas tanpa nilai (*value free*) dan menyebabkan faham pasca modenisme terjadi.

Kepentingan akal, pendekatan empiris, kemajuan sains dan teknologi, hak asasi beracuan Barat yang memberikan asas kebebasan tanpa batas dan menghasilkan aktiviti seksual dan transeksual yang sifatnya lepas bebas menjadi jalur perjuangan mereka.

Tanggapan Samuel Huntington mengenai pertembungan tamadun (*clash of civilisation*) tidak saja sifatnya politikal dan

ideologikal tetapi merentasi cara hidup, cara berfikir serta meletakkan keutamaan akan nilai manusia dan kemanusiaan.

Apa yang paling ketara akan pertembungan ini adalah kebangkitan semula Islam di seluruh dunia dan keruntuhan sistem beragama di Barat. Landasan rasionaliti yang berlebihan berkembang di Barat dan pengungkapan semula Islam sebagai agama tamadun sedang terjadi.

Sejak empat dekad yang lalu kebangkitan Islam sudah menjadi fenomena dunia. Persidangan Mengenai Pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1977, memberi kesan besar terhadap corak ilmu dan pendidikan yang sewajarnya berkembang dalam dunia Islam.

Dualisme yang berlaku dalam proses keilmuan dan pendidikan di dunia Islam mengalami perubahan ke arah pendidikan holistik yang berpaksikan tauhid. Program integrasi dan Islamisasi ilmu yang berkembang di dunia Islam dan Barat dilihat sebagai anti tesis terhadap apa yang sedang berlaku di Barat pada masa kini.

Sejarah penjajahan oleh kuasa Barat di negara-negara umat Islam antara lain adalah melakukan proses pembaratan dan melihat "*Supremacy of the Whites*" atau keagungan kuasa kulit putih sebagai etos penting mereka.

Sesetengah negara Islam dan kelompok elit yang menguasai pemerintahan berpendirian adalah baik untuk menghantar generasi muda belajar di Barat bagi tujuan memenuhi proses perubahan.

Pada masa yang sama, pendekatan tradisional dalam proses pengilmuan dan pendidikan di sesetengah negara Islam tidak menyebabkan integrasi dan Islamisasi terjadi. Hal ini menyebabkan terhasilnya sumber daya atau modal insan yang

tidak mampu masuk ke dalam sistem yang pantas berubah. Justeru, integrasi dan Islamisasi ilmu adalah jawapan terbaik bagaimana untuk mengembalikan Islam pada tahap tamadun dan bukan sahaja unggul dalam aspek *diniyah* semata-mata.

Reflektif terhadap tamadun silam Islam, asas inilah yang telah menyebabkan tamadun Islam berkembang dalam sains dan teknologi, di tengah-tengah zaman kegelapan Barat dan ilmuan Barat membuat keputusan menterjemahkan kitab-kitab besar Islam ke dalam bahasa Latin, Ibrani dan Hebrew dan dibawa ke Barat sehingga menyebabkan deIslamisasi terjadi. Ilmu Islam yang berkembang di Barat menjadikan proses reformasi, *renaissance* serta Revolusi Industri terjadi dan menjadikan Barat sebagai kuasa penakluk dengan dendam salibiyah baharu terhadap negara-negara umat Islam.

Lebih 700 tahun Barat melalui proses peradaban dalam bentuknya yang tersendiri dan menjadi ikutan sebahagian umat Islam serta wujud kesedaran dalam kalangan umat untuk mengembalikan fokus membangun tamadun Islam menerusi proses integrasi ilmu dan Islamisasi pendidikan.

Malangnya, pergolakan serius terjadi dalam kalangan negara-negara umat Islam seperti Mesir, Syria, Iraq, Libya, Tunisia dan lain-lain. Keadaan ini menyebabkan perpecahan yang parah dalam kalangan umat Islam disebabkan pertentangan aliran, kelompok dan orientasi pengaruh serta fahaman sehingga mewujudkan ketidakstabilan.

Dunia Barat selalu mengambil kesempatan perpecahan seperti ini hingga menyebabkan umat Islam berada dalam tahap yang sangat lemah dan tidak mampu mengimbangi pengaruh Barat yang memiliki kekuatan sains dan teknologi terutama dalam bidang persenjataan.

Potensi yang dimiliki oleh Islam dan umatnya adalah

besar. Islam yang kita dukung bukan sahaja bersifat suatu sistem kepercayaan tetapi juga sebagai suatu cara hidup. Malah, tamadun Islam yang pernah lahir sejak abad ke-7 hingga abad ke-13 memberi sumbangan besar terhadap kebangkitan Barat dan Timur.

Jumlah penduduk Islam kini yang melebihi 1.6 bilion orang adalah sumber daya manusia yang cukup berpotensi untuk dibangunkan sekiranya sistem pendidikan di negara-negara umat Islam bersifat integratif dan Islamik. Sumber hasil bumi yang kaya di perut bumi negara-negara Islam seperti minyak, gas, air bawah tanah, uranium dan thorium sebagai sumber tenaga sekiranya mampu diteroka dan diolah oleh kepakaran umat Islam sendiri bakal menyumbang ke arah pembangunan tamadun baharu.

Tokoh-tokoh pemikir seperti Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, Almarhum Prof. Ismail Faruqi, Dr. Taha Jabir Al-Alwani, Dr. Abdul Hamid Abu Sulaiman dan ramai lagi antara tokoh yang gigih memperjuangkan program Islamisasi supaya faktor berbanding yang bermanfaat dalam ilmu, sains dan teknologi disantuni.

Islamisasi ini didukung oleh organisasi seperti IIIT (Institut Antarabangsa Pemikiran Islam) dan institusi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Institut Antaarbangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan banyak lagi organisasi atau institusi Islam yang lain yang melihat faktor akliah dan nakliah sebagai sesuatu yang paling utama dalam agenda tersebut.

Tasawur ilmu dan pendidikan yang Islami ini menggabungkan faktor *diniah* (agama) dalam cabang-cabang disiplin yang ada dengan disiplin ilmu-ilmu alat mengukuhkan Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem (Sidek : 2013). Pendekatan ini penting diperkukuhkan dalam sistem pendidikan kita kerana tajdid ilmu dan pendidikan (Sidek: 2013) harus berlaku

supaya jenis manusia yang bakal dilahirkan oleh sistem tidak saja memiliki kualiti ilmu yang pelbagai tetapi kualiti akhlak yang tinggi.

Inilah keperluan sebenar manusia dan generasi pada masa hadapan kerana pendidikan bukan sekadar suatu proses perpindahan ilmu dan kemahiran tetapi ia mendukung proses transformasi diri. Ilmu yang benar diajarkan dan kemahiran yang bermanfaat diberi harus mampu membentuk watak mithali supaya manusia mempunyai contoh ikutan yang baik.

Pendidikan yang berlaku di Barat lebih bersifat mekanistik dan tidak terkandung ruh yang membentuk watak manusia supaya percaya kepada Pencipta dan melihat sumber penciptaan sebagai rahmat dan nikmat yang patut disyukuri. Segi jangka panjangnya kualiti manusiawi semakin pupus dan kisah Nabi Lut AS dengan karenah kaumnya akan menjadi suatu kenyataan semula.

Justeru, ketampilan Islam sebagai orde baharu dunia adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan. Umat Islam harus fokus dengan perjuangan ini supaya wujud siri keutamaan membangunkan model alternatif Islami dalam sistem.

Ketampilan tradisi maahad tahfiz di Malaysia dengan institusi Ulul Al-Bab dan terbinanya Kolej Universiti Al-Qur'an menjadi petanda baik bagi Malaysia yang sedang merintis tradisi pendidikan yang integratif untuk menjana suatu tamadun.

Pada masa yang sama, penegasan Malaysia terhadap fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) harus dijadikan tunjangan dalam beragama supaya jalur ASWJ memberikan landasan yang lebih teguh dan sempurna bukan sahaja dari segi akidah, ibadah, syariah dan akhlak tetapi juga kemampuan keilmuan lain yang boleh merintis jalan membina tamadun.

Pasca modenisme bakal menghasilkan kecelaruan yang tinggi dan globalisasi bakal melakukan hegemoni serta teknologi langit terbuka menjadi cabaran utama proses Islamisasi yang sedang berlangsung.

RUJUKAN

1. Akbar S. Ahmad. (1992). *Postmodernism and Islam : Predicament and promise*. New York: Routledge.
2. Akbar S. Ahmad and Hastings Donan. (1994). *Islam, globalization and postmodernity*. London: Routledge.
3. Mohd Farid Mohd Shahrn. (2014). *Pluralisme agama satu penilaian Islami*. Kuala Lumpur: IKIM.
4. Muhammad Uthman el Muhammady. (2012). *Falsafah agama John Hicks: Pengamatan dari perspektif ajaran Ahlus Sunah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Muafakat.
5. _____ (2004). *Pacamodenisme dan Islam: Suatu pandangan awal (monograf)*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
6. Norris, Christopher. (1990). *What's Wrong with postmodernism - critical theory and the end of philosophy*. Baltimore: The John Hopkins University Press.
7. Sidek Baba. (2013). *Integration and collaboration in learning and education*. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.
8. _____(2013). *Tajdid ilmu dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.
9. Suyota, Syamsul Arifin. (1994). *Postmodernisme dan masa depan peradaban*. Jogjakarta: Penerbit Aditya Media.
10. Wakefield, Neville. (1990). *Postmodernism twilight of the real*. London: Pluto Press.
11. Woodiwiss, Anthony. (1990). *Sosial theory after post-modernism : Rethinking production, law and class*. London: Pluto Press.